JUZU' KE-29

SURAH AL-QALAM

SURAH KE **68**

SURAH AL-QALAM

Surah Pena

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **52**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

نٓ وَٱلْقَلَمِ وَمَا يَسْطُرُونَ ١

مَآ أَنتَ بِنِعْمَةِ رَبِّكَ بِمَجْنُونٍ ٢

وَإِنَّ لَكَ لَأَجْرًا غَيْرَ مَمْنُونٍ ٣

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ٤

فَسَتُبْصِرُ وَيُبْصِرُونَ ٥ بِأَييِّكُمُ ٱلْمَفْتُونُ ٦

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ٧

فَلَا تُطِعِ ٱلْمُكَذِّبِينَ ٨

وَدُّوا۟ لَوْ تُدْهِنُ فَيُدْهِنُونَ ٩

وَلَا تُطِعْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ١٠

"Nun. Demi pena dan demi tulisan yang ditulis mereka(1). Engkau bukannya seorang gila dengan sebab ni'mat (Nubuwah) dari Tuhanmu(2). Dan sesungguhnya engkau akan mendapat pabala yang tidak berkeputusan (3). Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung(4). Oleh itu, engkau akan melihat dan mereka juga akan melihat.(5). Siapakah sebenarnya di antara kamu yang diuji (dengan kegilaan)?(6). Sesungguhnya Tuhanmu itulah yang lebih mengetahui siapakah yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah juga yang lebih mengetahui siapakah orang-orang yang mendapat hidayat?(7). Oleh itu, janganlah engkau tunduk kepada pendusta-pendusta(8). Mereka suka jika engkau bersikap lunak, supaya mereka juga bersikap lunak(9). Dan janganlah engkau tunduk kepada setiap orang yang banyak bersumpah dan hina (budi pekertinya)." (10).

هَمَّازٍ مَّشَّآءٍۭ بِنَمِيمٍ ١١

مَّنَّاعٍ لِّلْخَيْرِ مُعْتَدٍ أَثِيمٍ ١٢

عُتُلٍّۭ بَعْدَ ذَٰلِكَ زَنِيمٍ ١٣ أَن كَانَ ذَا مَالٍ وَبَنِينَ ١٤

إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِ ءَايَٰتُنَا قَالَ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ١٥

سَنَسِمُهُۥ عَلَى ٱلْخُرْطُومِ ١٦

إِنَّا بَلَوْنَٰهُمْ كَمَا بَلَوْنَآ أَصْحَٰبَ ٱلْجَنَّةِ إِذْ أَقْسَمُوا۟ لَيَصْرِمُنَّهَا مُصْبِحِينَ ١٧ وَلَا يَسْتَثْنُونَ ١٨

فَطَافَ عَلَيْهَا طَآئِفٌ مِّن رَّبِّكَ وَهُمْ نَآئِمُونَ ١٩

فَأَصْبَحَتْ كَٱلصَّرِيمِ ٢٠

"Yang banyak mengumpat dan banyak berjalan menabur fitnah(11). Pencegah kebajikan, penceroboh dan banyak berdusta(12). Berhati keras dan selain itu ia juga terkenal jahat(13). Kerana dia mempunyai harta yang banyak dan anak-anak lelaki yang ramai(14). Apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami ia berkata: Inilah dongeng. dongeng orang-orang purbakala(15). Kami akan tandakan di atas belalainya (batang hidungnya)(16). Sesungguhnya Kami telah mencuba mereka sebagaimana Kami telah mencuba tuan-tuan kebun ketika mereka bersumpah bahawa mereka akan memetik semua buah-buahan di limun-limun pagi(17). Dan mereka tidak mengecualikan (bahagian fakir miskin) (18). Lalu kebun itu ditimpa malapetaka dari Tuhanmu semasa mereka sedang nyenyak tidur(19). Lalu jadilah kebun-kebun itu seperti kebun yang telah dipotong semua buahnya".(20).

فَتَنَادَوْا۟ مُصْبِحِينَ ٢١

أَنِ ٱغْدُوا۟ عَلَىٰ حَرْثِكُمْ إِن كُنتُمْ صَٰرِمِينَ ٢٢

فَٱنطَلَقُوا۟ وَهُمْ يَتَخَٰفَتُونَ ٢٣

أَن لَّا يَدْخُلَنَّهَا ٱلْيَوْمَ عَلَيْكُم مِّسْكِينٌ ٢٤

وَغَدَوْا۟ عَلَىٰ حَرْدٍ قَٰدِرِينَ ٢٥

فَلَمَّا رَأَوْهَا قَالُوٓا۟ إِنَّا لَضَآلُّونَ ٢٦ بَلْ نَحْنُ مَحْرُومُونَ ٢٧

قَالَ أَوْسَطُهُمْ أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ لَوْلَا تُسَبِّحُونَ ٢٨

قَالُوا۟ سُبْحَٰنَ رَبِّنَآ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ٢٩

فَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ يَتَلَٰوَمُونَ ﴿٣٠﴾

"Lalu mereka berpanggil-panggilan satu sama lain di limun-limun pagi(21). Pergilah ke kebun kamu di pagi hari jika kamu hendak memetikkan buah-buahnya(22). Lalu mereka pergi sambil berbisik-bisik(23). Jangan ada seorang miskin pun yang masuk ke dalam kebun menemui kamu(24). Dan mereka pergi di limun-limun pagi itu dengan kepercayaan mereka dapat menahankan (habuan fakir miskin itu)(25). Apabila mereka melihat keadaan kebun itu, mereka pun berkata: Sesungguhnya kita telah sesat jalan (ini bukan kebun kita)(26). (Tidak! Ini memang kebun kita) bahkan kitalah yang dinafikan (dari hasil kebun itu)(27). Lalu berkatalah seorang yang paling baik fikiran di antara mereka: Bukankah dahulu aku telah berkata kepada kamu: Hendaklah kamu mengucap tasbih(28). Lalu mereka pun mengucap: Maha Sucilah Tuhan kami sesungguhnya kami adalah orang-orang yang telah melakukan kezaliman(29). Kemudian mereka berhadap-hadapan satu sama lain saling mencela".(30).

قَالُوا۟ يَٰوَيْلَنَآ إِنَّا كُنَّا طَٰغِينَ ﴿٣١﴾

عَسَىٰ رَبُّنَآ أَن يُبْدِلَنَا خَيْرًا مِّنْهَآ إِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا رَٰغِبُونَ ﴿٣٢﴾

كَذَٰلِكَ ٱلْعَذَابُ ۖ وَلَعَذَابُ ٱلْءَاخِرَةِ أَكْبَرُ ۚ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ﴿٣٣﴾

إِنَّ لِلْمُتَّقِينَ عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٣٤﴾

أَفَنَجْعَلُ ٱلْمُسْلِمِينَ كَٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٣٥﴾

مَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ﴿٣٦﴾

أَمْ لَكُمْ كِتَٰبٌ فِيهِ تَدْرُسُونَ ﴿٣٧﴾

إِنَّ لَكُمْ فِيهِ لَمَا تَخَيَّرُونَ ﴿٣٨﴾

أَمْ لَكُمْ أَيْمَٰنٌ عَلَيْنَا بَٰلِغَةٌ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ۙ إِنَّ لَكُمْ لَمَا تَحْكُمُونَ ﴿٣٩﴾

سَلْهُمْ أَيُّهُم بِذَٰلِكَ زَعِيمٌ ﴿٤٠﴾

"Mereka berkata: Amboi! Celakalah kita, sesungguhnya kita ini adalah orang-orang yang telah melampaui batas (31). Semoga Tuhan kita menggantikan kepada kita dengan kebun yang lebih baik dari kebun ini. Sesungguhnya kita benar-benar berharap kepada Tuhan kita(32). Demikianlah 'azab dunia, sedangkan 'azab Akhirat adalah lebih besar lagi jika kamu mengetahui(33). Sesungguhnya balasan bagi orang-orang yang bertaqwa di sisi Tuhan mereka ialah kebun-kebun Syurga yang penuh ni'mat(34). Apakah wajar Kami jadikan orang-orang Islam sama seperti orang-orang kafir yang berdosa?(35). Apa sudah jadi kepada kamu? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu?(36). Atau apakah kamu mempunyai sebuah kitab yang kamu mempelajarinya? (37). Bahawa (tersebut di dalamnya) kamu boleh memilih apa sahaja yang kamu sukai(38). Atau apakah kamu mempunyai janji-janji yang disanggupi oleh Kami sampai hari Qiamat bahawa kamu boleh membuat keputusan sesuka hati kamu?(39). Tanyakan mereka siapakah di antara mereka yang menjamin dakwaan yang sedemikian?".(40).

أَمْ لَهُمْ شُرَكَآءُ فَلْيَأْتُوا۟ بِشُرَكَآئِهِمْ إِن كَانُوا۟ صَٰدِقِينَ ﴿٤١﴾

يَوْمَ يُكْشَفُ عَن سَاقٍ وَيُدْعَوْنَ إِلَى ٱلسُّجُودِ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ ﴿٤٢﴾

خَٰشِعَةً أَبْصَٰرُهُمْ تَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ ۖ وَقَدْ كَانُوا۟ يُدْعَوْنَ إِلَى ٱلسُّجُودِ وَهُمْ سَٰلِمُونَ ﴿٤٣﴾

فَذَرْنِى وَمَن يُكَذِّبُ بِهَٰذَا ٱلْحَدِيثِ ۖ سَنَسْتَدْرِجُهُم مِّنْ حَيْثُ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٤﴾

وَأُمْلِى لَهُمْ ۚ إِنَّ كَيْدِى مَتِينٌ ﴿٤٥﴾

أَمْ تَسْـَٔلُهُمْ أَجْرًا فَهُم مِّن مَّغْرَمٍ مُّثْقَلُونَ ﴿٤٦﴾

أَمْ عِندَهُمُ ٱلْغَيْبُ فَهُمْ يَكْتُبُونَ ﴿٤٧﴾

فَٱصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تَكُن كَصَاحِبِ ٱلْحُوتِ إِذْ نَادَىٰ وَهُوَ مَكْظُومٌ ﴿٤٨﴾

لَّوْلَآ أَن تَدَٰرَكَهُۥ نِعْمَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ لَنُبِذَ بِٱلْعَرَآءِ وَهُوَ مَذْمُومٌ ﴿٤٩﴾

فَٱجْتَبَٰهُ رَبُّهُۥ فَجَعَلَهُۥ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٥٠﴾

وَإِن يَكَادُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَيُزْلِقُونَكَ بِأَبْصَٰرِهِمْ لَمَّا سَمِعُوا۟ ٱلذِّكْرَ وَيَقُولُونَ إِنَّهُۥ لَمَجْنُونٌ ﴿٥١﴾

وَمَا هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿٥٢﴾

"Atau apakah mereka mempunyai tuhan-tuhan sekutu? Oleh itu, bawalah sekutu-sekutu mereka jika mereka benar (41). Pada hari betis disingsing (kerana terlalu takut) dan mereka diseru supaya sujud,tetapi mereka tidak berdaya(42). Mata mereka tunduk kuyu diselubungi kehinaan. Sesungguhnya dahulu (di dunia) mereka diseru supaya sujud ketika mereka sihat sentosa(43). Oleh itu, tinggalkan sahaja kepada-Ku orang-orang yang mendustakan Al-Qur'an itu. Kami akan menarik mereka perlahan-lahan (ke jurang kebinasaan) tanpa disedari mereka(44). Dan Aku memberi tempoh kepada mereka. Sesungguhnya rancangan balasanKu amat

rapi(45). Atau apakah engkau (Muhammad) pernah meminta upah dari mereka dan kerana itu mereka merasa berat dengan hutang bayaran itu?(46). Atau apakah mereka mempunyai pengetahuan tentang urusan ghaib, lalu mereka menuliskannya?(47). Oleh itu, bersabarlah menerima keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau jadi seperti orang yang ditelan ikan yang besar (Yunus) ketika ia berdo'a semasa berada di dalam kesusahan (48). Jika ia tidak diselamatkan oleh ni'mat pertolongan dari Tuhannya tentulah dia dicampakkan di bumi yang tandus dengan mendapat kecelaan(49). Lalu dia dipilih Tuhannya dan menjadikannya dari orang-orang yang salih(50). Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu hampir-hampir menggelincirkan kaki engkau dengan pandangan-pandangan mereka (yang penuh marah) apabila mereka mendengar Al-Qur'an, dan mereka berkata: Sesungguhnya dia (Muhammad) seorang gila (51). Sedangkan Al-Qur'an itu tidak lain melainkan peringatan bagi seluruh umat manusia."(52).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Bilakah Surah Ini Diturunkan?

Kita tidak dapat menentukan tarikh turunnya surah ini sama ada bahagian permulaannya atau keseluruhannya. Kita juga tidak dapat mempastikan bahawa permulaan ayat-ayatnya telah diturunkan pada awal dan yang baki semuanya diturunkan pada akhir. Kita tidak dapat tarjihkan mana satu kemungkinan yang lebih kuat kerana bahagian permulaan surah dan bahagian akhirnya mengemukakan pembicaraan yang sama, iaitu tentang keangkuhan dan kelancangan orang-orang kafir terhadap diri Rasulullah s.a.w. dan tuduhan mereka bahawa beliau seorang gila.

Banyak riwayat yang mengatakan bahawa surah ini merupakan surah yang kedua turunnya selepas Surah al-'Alaq, dan menurut pendapat sebulat di dalam susunan tertib berbagai-bagai mashaf, surah ini merupakan surah yang kedua. Tetapi cara penerangan surah ini, juga maudhu' pembicaraannya dan gayanya membuat kami suka mentarjihkan pendapat yang lain, kerana hampir-hampir dapat dipastikan bahawa surah ini diturunkan selepas satu tempoh pelancaran da'wah umum yang dilakukan kira-kira tiga tahun selepas dimulakan dengan da'wah perseorangan, iaitu pada masa orang-orang Quraysy bangkit menolak dan memerangi da'wah Islam dan mengeluarkan perkataan mereka yang jahat itu terhadap Rasulullah s.a.w. Pada masa inilah Al-Qur'an menolak dan menepiskan perkataan yang jahat itu dan mengancam penentang-penentang da'wah dengan ancaman yang terkandung di dalam surah ini.

Kemungkinan pendapat yang mengatakan bahawa permulaan surah ini diturun awal secara bersendirian selepas turunnya permulaan Surah al-'Alaq dan bahawa sifat "gila" yang dinafikan di dalam ayat **"Engkau bukannya seorang gila dengan sebab ni'mat (nubuwah) dari Tuhanmu"** adalah diturunkan dengan sebab kebimbangan Nabi s.a.w. terhadap dirinya ketika beliau mula menerima wahyu bahawa apa yang berlaku kepadanya itu adalah kerana beliau ditimpa penyakit gila... kemungkinan pendapat ini amat lemah kerana kisah kebimbangan itu sendiri dalam bentuk cerita yang seperti itu tidak terdapat dalam satu riwayat yang kuat dan muktamad, kerana penerangan sepadu surah ini menunjukkan bahawa penafian dalam ayat tadi adalah sesuai dengan keterangan akhir ayat surah ini iaitu dalam ayat:

وَإِن يَكَادُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَيُزْلِقُونَكَ بِأَبْصَٰرِهِمْ لَمَّا سَمِعُوا۟ ٱلذِّكْرَ وَيَقُولُونَ إِنَّهُۥ لَمَجْنُونٌ ﴿٥١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu hunpir-hampir menggelincirkan kaki engkau dengan pandangan-pandangan mereka (yang penuh marah) apabila mereka mendengar Al-Qur'an, dan mereka berkata: Sesungguhnya dia (Muhammad) seorang gila."(51)

Inilah perkara yang hendak dinafikan di dalam ayat-ayat pembukaan surah ini sebagaimana yang segera dapat difahami ketika membaca surah ini yang mempunyai susunan yang amat padu itu.

Surah Ini Bukan Surah Yang Kedua Dalam Tertib Turunnya

Begitu juga setengah-setengah riwayat menyebut bahawa di dalam surah ini, terdapat beberapa ayat yang diturunkan di Madinah iaitu dari ayat yang ketujuh belas hingga akhir ayat yang ketiga puluh tiga iaitu ayat-ayat yang menyebut kisah ujian terhadap tuan-tuan kebun, dan ayat-ayat yang keempat puluh dua hingga akhir ayat lima puluh yang menyentuh kisah Nabi Yunus a.s. yang ditelan oleh ikan yang besar. Pendapat ini juga kami anggap jauh, malah kami beranggapan bahawa seluruh ayat-ayat surah ini adalah diturunkan di Makkah, kerana ciri ayat-ayat surah ini begitu mendalam menunjukkan ia diturunkan di Makkah.

Yang kami tarjihkan mengenai seluruh surah ini ialah ia bukan surah yang kedua dalam tertib turun surah-surah Al-Qur'an, dan ia diturun selepas berlalunya satu tempoh kebangkitan Rasulullah s.a.w. setelah diperintah melancarkan da'wah kepada umum dan setelah Allah S.W.T. berfirman kepadanya:

"Dan berilah peringatan kepada keluargamu yang dekat."

(Surah as-Syu'ara: 214)

Juga setelah turunnya sebahagian ayat-ayat Al-Qur'an yang mengandungi kisah dan cerita-cerita orang-orang zaman purba yang disifatkan oleh orang-orang kafir sebagai

"Dongeng-dongeng orang-orang di zaman purba" dan setelah seluruh orang Quraysy diseru masuk Islam hingga menyebabkan mereka bangkit menentang da'wah Islam dengan berbagai-bagai tuduhan yang karut dan serangan-serangan ganas yang perlu dibalaskan dengan serangan-serangan yang kuat dan ancaman-ancaman yang ngeri terhadap pendusta-pendusta yang terkandung di

dalam surah ini dari awal hingga akhir. Pemandangan yang akhir di dalam surah ini menunjukkan kepada maksud ini, **"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu hampir-hampir menggelincirkan kaki engkau dengan pemandangan-pemandangan mereka (yang penuh marah) apabila mereka mendengar Al-Qur'an dan mereka berkata: Sesungguhnya dia (Muhammad) seorang gila."** Ia merupakan satu pemandangan pelancaran da'wah umum kepada berbagai-bagai golongan, iaitu berlainan dengan keadaan di permulaan da'wah yang hanya dihadapkan kepada orang-orang perseorangan dengan cara-cara perseorangan, bukannya dihadapkan kepada orang-orang kafir yang terdiri dari berbagai-bagai kelompok. Keadaan ini hanya berlaku setelah tiga tahun dari permulaan da'wah mengikut riwayat yang kuat.

Surah ini memberi isyarat kepada percubaan kaum Musyrikin mengemukakan tawaran-tawaran untuk mencari jalan tengah dan tolak ansur dalam perkara 'aqidah yang dipertikaikan mereka:

وَدُّوا۟ لَوْ تُدْهِنُ فَيُدْهِنُونَ ﴿٩﴾

"Mereka suka jika engkau bersikap lunak, supaya mereka juga bersikap lunak."(9)

Pada lahirnya percubaan seperti ini tidak akan berlaku dalam peringkat da'wah kepada individu-individu kerana ia tidak membawa apa-apa bahaya. Oleh sebab itu percubaan ini pastilah berlaku selepas tersebarnya da'wah dan selepas bahayanya dirasai oleh kaum Musyrikin.

Demikianlah terdapat berbagai-bagai bukti yang menunjukkan bahawa surah ini telah diturunkan pada masa mutakhir selepas tempoh da'wah peringkat pertama iaitu sekurang-kurangnya tiga tahun dan mungkin lebih di antara masa permulaan da'wah dengan waktu turunnya. Tidak dapat diterima akal jika dikatakan tiga tahun itu berlalu tanpa diturunkan Al-Qur'an, malah sudah tentu dalam tempoh yang selama itu banyak surah-surah dan bahagian-bahagian surah yang telah diturun memperkatakan 'aqidah Islam tanpa melancarkan serangan yang kuat terhadap pendusta da'wah seperti yang terdapat di dalam surah ini dari bahagian permulaannya lagi.

Tetapi ini tidak pula bererti menafikan bahawa surah ini, juga Surah al-Muddaththir dan Surah al-Muzzammil, telah diturunkan di peringkat permulaan da'wah walaupun tidak merupakan awal-awal surah yang diturunkan sebagaimana yang terdapat di dalam mashaf-mashaf kerana sebab-sebab yang telah kami jelaskan di sini, dan sebab-sebab itu juga mencakup Surah al-Muzzammil dan al-Muddaththir.

* * * * * *

Da'wah Islam Membawa Perubahan Yang Amat Besar Di Semenanjung Tanah Arab

Benih pertama 'aqidah Islam telah ditanam di bumi bagi pertama kalinya dalam bentuknya yang luhur, suci dan jelas. 'aqidah itu dirasa asing dan ganjil dalam tanggapan jahiliyah yang wujud bukan sahaja di Semenanjung Tanah Arab, malah di seluruh negeri di dunia ini. Itulah satu perpindahan yang amat besar dari gambaran 'aqidah yang samar-samar, menyeleweng dan terpesong dari saki-baki agama Nabi Ibrahim yang dipegang oleh kaum Musyrikin dan ditokok tambah oleh mereka dengan kepercayaan-kepercayaan karut, dongeng-dongeng dan kebatilan-kebatilan yang bertapak dalam masyarakat mereka kepada gambaran 'aqidah yang gemilang, luhur, lurus, terang, jelas, mudah, menyeluruh dan syumul yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Dasar-dasar pokok agama ini adalah sama dengan 'aqidah tauhid pertama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. Gambaran 'aqidah yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. adalah satu gambaran yang paling sempurna sesuai dengan sifatnya sebagai agama yang terakhir di bumi, yang akan terus kekal berbicara dengan akal umat manusia yang matang hingga ke akhir zaman.

Itulah satu perpindahan yang amat besar dari gambaran kepercayaan syirik kepada berbagai-bagai tuhan, kepercayaan menyembah malaikat dan patung-patungnya, kepercayaan menyembah jin-jin dan semangatnya, kepercayaan-kepercayaan karut dan lemah yang menjadi teras 'aqidah jahiliyah kepada gambaran 'aqidah yang cemerlang yang dilukiskan oleh Al-Qur'an mengenai Allah S.W.T. Yang Maha Tunggal, mengenai keagungan dan kebesaran-Nya dan mengenai hubungan iradat-Nya dengan seluruh makhluk.

Itulah juga satu perpindahan yang amat besar dari cara hidup yang berlandaskan kelas yang dominan di Semenanjung Tanah Arab dan berlandaskan ketua agama, juru nujum atau kahin dalam urusan keagamaan mereka, juga dari cara hidup yang menentukan kelas-kelas tertentu sahaja yang berkuasa, yang dipandang tinggi dan bertugas sebagai penjaga urusan Ka'bah dan hubungannya dengan orang-orang Arab yang lain dengan cara hidup Islam yang mudah dan sama rata di hadapan Allah, dan kepada cara ibadat Islam yang berhubung secara langsung di antara Allah dengan para hamba-Nya sebagaimana diterangkan oleh Al-Qur'an.

Itulah juga satu perpindahan yang amat besar dari tata akhlak di zaman jahiliyah kepada tata akhlak yang dibawa oleh Al-Qur'an dan yang diperjuang dan diamalkan oleh Muhammad s.a.w.

Sebab-sebab Penentangan Kaum Quraysy

Perpindahan-perpindahan ini sahaja telah cukup untuk mewujudkan pertentangan di antara 'aqidah yang baru dengan kaum Quraysy, kepercayaan-

kepercayaan keagamaan dan akhlak-akhlak mereka. Tetapi perpindahan itu bukanlah merupakan satu sebab yang tunggal bagi pertentangan itu, malah di sampingnya terdapat pula pertimbangan-pertimbangan dan alasan-alasan lain yang mungkin lebih besar dari 'aqidah itu sendiri di dalam penilaian kaum Quraysy.

Di sana terdapat pertimbangan-pertimbangan sosial yang menyebabkan setengah-setengah orang berkata sebagaimana telah diceritakan oleh Al-Qur'anul-Karim di dalam ayat:

"Mengapakah Al-Qur'an ini tidak diturunkan kepada seorang pembesar salah satu dari dua negeri ini?"

(Surah az-Zukhruf: 31)

Yang dimaksudkan dengan dua negeri di sini ialah Makkah dan Ta'if, kerana Rasulullah s.a.w. walaupun dari keturunan yang mulia dan dari salah satu keluarga Quraysy yang tinggi, tetapi beliau tidak pernah menjadi ketua atau kepala mereka sebelum dibangkitkan menjadi Rasul. Sementara di sana ada ketua Quraysy dan ketua Thaqif dan lain-lain dalam masyarakat yang menganggap pangkat ketua itu sebagai kemuncak yang mengatasi segala perkembangan yang lain, maka kerana itu tidaklah mudah kepada ketua-ketua itu untuk mengikut Nabi Muhammad s.a.w.

Di sana juga terdapat alasan-alasan dan pertimbangan-pertimbangan kekeluargaan yang membuat seseorang seperti Abu Jahl iaitu 'Amr ibn Hisyam enggan mengakui kebenaran da'wah Islam yang ditentangkannya dengan hebat itu, kerana Nabi yang membawa da'wah ini adalah dari keluarga Abdu Manaf sebagaimana tersebut dalam kisah Abu Jahl bersama-sama al-Akhnas ibn Syurayq dan Abu Sufyan ibn Harb semasa mereka keluar bersama-sama secara bersembunyi selama tiga malam berturut-turut untuk mendengar Al-Qur'an. Di setiap malam mereka bejanji tidak akan datang ke situ lagi, kerana bimbang dilihat orang lain yang boleh menimbulkan syak dalam hati mereka. Apabila al-Akhnas ibn Syurayq bertanya pendapat Abu Jahl tentang ayat-ayat Al-Qur'an yang didengarnya itu, maka ia menjawab "Kita dengan keluarga Abdu Manaf itu memang sentiasa berlawan dan bertanding untuk merebut kedudukan yang tinggi. Bila mereka mengadakan jamuan, kita turut mengadakan jamuan. Bila mereka menjamin, kita ikut menjamin. Dan jika mereka memberi, kita ikut memberi hingga kita sama-sama melutut. Kita tidak ubah seperti dua kuda lumba yang setanding." Lalu mereka berkata: "Sepatutnya dari golongan kita ada seorang nabi yang menerima wahyu dari langit. Bilakah kita akan dapat peluang yang seperti ini? Demi Allah, kita tidak akan beriman kepadanya (Muhammad) buat selama-lamanya dan tidak akan percaya kepadanya."

Cerita Pembesar-pembesar Quraysy Bersembunyi Untuk Mendengar Rasulullah Membaca Al-Qur'an

Di sana juga ada pertimbangan-pertimbangan lain, iaitu pertimbangan kerana sebab-sebab kepentingan diri, kepentingan kelas dan sebab-sebab psikologi dari sampah sarap tanggapan jahiliyah yang terdapat di dalam perasaan, kepercayaan-kepercayaan, undang-undang dan peraturan hidup mereka. Semuanya itu turut berusaha dengan segala sarana untuk membunuh benih tanaman 'aqidah Islam yang baru itu semasa di tapak semaiannya lagi, iaitu sebelum akar-akarnya menunjang kukuh di dalam bumi dan sebelum ia menghulurkan cabang-cabangnya dengan ranting-rantingnya yang bertautan satu sama lain, apatah lagi setelah ia berjaya melewati peringkat da'wah perseorangan iaitu setelah Allah S.W.T. memerintah Rasul-Nya s.a.w. supaya melancarkan da'wah dengan terus-terang kepada umum. Ketika itu da'wah mulai memperlihatkan ciri perkembangannya yang baru, sebagaimana Al-Qur'an juga mulai turun dengan ayat-ayat yang membodoh-bodohkan 'aqidah syirik dan tuhan-tuhannya yang palsu, kepercayaan-kepercayaannya yang karut-marut dan tradisi-tradisi yang tidak menentu.

Rasulullah s.a.w., walaupun beliau seorang Nabi yang menerima wahyu dari Allah dan berhubung dengan alam al-Mala'ul-A'la, namun beliau tetap dengan sifat manusianya yang diharui berbagai-bagai perasaan. Beliau terpaksa menghadapi tentangan-tentangan yang hebat dan serangan-serangan yang dilancarkan oleh kaum Musyrikin itu dan menderita kesan-kesannya yang pedih bersama-sama dengan segelintir pengikut-pengikutnya yang beriman walaupun tidak disukai kaum Musyrikin.

Rasulullah Menghadapi Ejekan Dan Penghinaan Yang Pedih

Nabi s.a.w. mendengar dan orang-orang Mu'min juga mendengar kata nista kaum Musyrikin dan kelancangan lidah mereka terhadap peribadi Rasulullah s.a.w. **"Dan mereka berkata: Sesungguhnya dia (Muhammad) adalah seorang gila."** Ini hanya salah satu dari berbagai-bagai ejekan dan penghinaan yang dicerita di dalam berbagai-bagai surah yang lain, iaitu ejekan-ejekan yang dituju kepada tubuh Rasulullah dan kepada orang-orang Mu'min yang ada bersama-sama beliau. Ini tidak termasuk penindasan-penindasan dan penyeksaan-penyeksaan yang diterima oleh sebilangan ramai orang Mu'min dari kaum kerabat mereka yang hampir.

Ejekan dan penghinaan yang diterima dalam keadaan yang lemah dan dengan bilangan yang sedikit amatlah menyeksakan hati manusia walaupun hati seorang rasul.

Kerana itulah kita melihat di dalam Surah-surah Makkiyah seperti surah juzu' ini seolah-olah Allah memeluk Rasul-Nya bersama segelintir para Mu'minin yang ada bersamanya untuk menghiburkannya, memuji sikapnya dan sikap para Mu'minin juga untuk

menonjolkan unsur akhlak yang terdapat dalam da'wah ini dan pada pembawaan Nabi-Nya yang mulia. Di samping itu Allah juga menolak kata nista mereka dan menenangkan hati golongan Mu'min yang lemah dengan jaminan bahawa Allah akan menentang musuh-musuh mereka dan melepaskan diri mereka dari kesulitan memikirkan musuh-musuh mereka yang kuat dan kaya-raya itu.

Dalam surah ini kita dapati Allah berfirman tentang Rasul-Nya:

Ayat-ayat Mengenai Peribadi Rasulullah

نٓۚ وَٱلۡقَلَمِ وَمَا يَسۡطُرُونَ ١

مَآ أَنتَ بِنِعۡمَةِ رَبِّكَ بِمَجۡنُونٖ ٢

وَإِنَّ لَكَ لَأَجۡرًا غَيۡرَ مَمۡنُونٖ ٣

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٖ ٤

"Nun. Demi pena dan demi tulisan yang ditulis mereka (1). Engkau bukannya seorang gila dengan sebab ni'mat (nubuwah) dari Tuhanmu(2). Dan sesungguhnya engkau akan mendapat pahala yang tidak berkeputusan(3). Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung."(4)

Dan firman-Nya tentang orang-orang Mu'min:

إِنَّ لِلۡمُتَّقِينَ عِندَ رَبِّهِمۡ جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ٣٤

أَفَنَجۡعَلُ ٱلۡمُسۡلِمِينَ كَٱلۡمُجۡرِمِينَ ٣٥

مَا لَكُمۡ كَيۡفَ تَحۡكُمُونَ ٣٦

"Sesungguhnya balasan bagi orang-orang yang bertaqwa di sisi Tuhan mereka ialah kebun-kebun Syurga yang penuh ni'mat(34). Apakah wajar Kami jadikan orang-orang Islam sama seperti orang-orang kafir yang berdosa? (35). Apa sudah jadi kepada kamu? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu?"(36)

Kemudian firman-Nya mengenai salah seorang dari musuh-musuh Nabi yang terkemuka:

وَلَا تُطِعۡ كُلَّ حَلَّافٖ مَّهِينٍ ١٠

هَمَّازٖ مَّشَّآءِۭ بِنَمِيمٖ ١١

مَّنَّاعٖ لِّلۡخَيۡرِ مُعۡتَدٍ أَثِيمٍ ١٢

عُتُلِّۭ بَعۡدَ ذَٰلِكَ زَنِيمٍ ١٣ أَن كَانَ ذَا مَالٖ وَبَنِينَ ١٤

إِذَا تُتۡلَىٰ عَلَيۡهِ ءَايَٰتُنَا قَالَ أَسَٰطِيرُ ٱلۡأَوَّلِينَ ١٥

سَنَسِمُهُۥ عَلَى ٱلۡخُرۡطُومِ ١٦

"Dan janganlah engkau tunduk kepada setiap orang yang banyak bersumpah dan hina (budi pekertinya)(10). Yang banyak mengumpat dan banyak berjalan menabur fitnah(11). Pencegah kebajikan, penceroboh dan banyak berdosa(12). Berhati keras dan selain itu ia juga terkenal jahat(13). Kerana dia mempunyai harta yang banyak dan anak-anak lelaki yang ramai(14). Apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami ia berkata: Inilah dongeng-dongeng orang-orang purbakala(15). Kami akan tandakan di atas belalainya (batang hidungnya)."(16)

Ayat-ayat Perisytiharan Perang Dari Allah

Kemudian firman-Nya tentang pengumuman perang ke atas seluruh pendusta-pendusta:

فَذَرۡنِي وَمَن يُكَذِّبُ بِهَٰذَا ٱلۡحَدِيثِۖ سَنَسۡتَدۡرِجُهُم مِّنۡ حَيۡثُ لَا يَعۡلَمُونَ ٤٤

وَأُمۡلِي لَهُمۡۚ إِنَّ كَيۡدِي مَتِينٌ ٤٥

"Oleh itu, tinggalkan sahaja kepada-Ku orang-orang yang mendustakan Al-Qur'an itu. Kami akan menarik mereka perlahan-lahan (ke jurang kebinasaan) tanpa disedari mereka(44). Dan Aku memberi tempoh kepada mereka. Sesungguhnya rancangan balasan-Ku amat rapi."(45)

Ini tidak termasuk 'azab Akhirat yang menghinakan manusia-manusia yang angkuh:

يَوۡمَ يُكۡشَفُ عَن سَاقٖ وَيُدۡعَوۡنَ إِلَى ٱلسُّجُودِ فَلَا يَسۡتَطِيعُونَ ٤٢

خَٰشِعَةً أَبۡصَٰرُهُمۡ تَرۡهَقُهُمۡ ذِلَّةٞۖ وَقَدۡ كَانُواْ يُدۡعَوۡنَ إِلَى ٱلسُّجُودِ وَهُمۡ سَٰلِمُونَ ٤٣

"Pada hari betis disingsing (kerana terlalu takut) dan mereka diseru supaya sujud, tetapi mereka tidak berdaya (42). Mata mereka tunduk kuyu diselubungi kehinaan. Sesungguhnya dahulu (di dunia) mereka diseru supaya sujud ketika mereka sihat sentosa."(43)

Al-Qur'an mengemukakan contoh balasan yang telah menimpa tuan-tuan kebun yang angkuh sebagai amaran kepada pembesar-pembesar Quraysy yang angkuh dengan harta kekayaan dan anak-anak mereka yang ramai. Mereka sentiasa membuat rancangan-rancangan jahat untuk menentang da'wah dengan sebab mereka mempunyai harta dan anak-anak yang ramai.

Pada akhir surah ini Al-Qur'an menasihatkan Rasulullah s.a.w. supaya bersabar dengan kesabaran yang baik:

فَٱصۡبِرۡ لِحُكۡمِ رَبِّكَ وَلَا تَكُن كَصَاحِبِ ٱلۡحُوتِ إِذۡ نَادَىٰ وَهُوَ مَكۡظُومٞ ٤٨

"Oleh itu, bersabarlah menerima keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau jadi seperti orang yang ditelan ikan yang besar (Yunus) ketika ia berdo'a semasa berada di dalam kesusahan."(48)

Dari penerangan ayat-ayat memberi hiburan, sanjungan dan pengukuhan semangat, di samping serangan yang kuat ke atas para pendusta ini semua, nampaklah kepada kita bahawa Allah S.W.T. sendiri mengendalikan serangan terhadap mereka dalam uslub yang keras itu, dan dari penjelasan ini seluruhnya dapatlah kita melihat sifat-sifat dan keadaan-keadaan zaman itu, iaitu zaman orang-orang Islam berada dalam keadaan lemah dan mempunyai bilangan yang sedikit, zaman mereka mengalami penindasan-penindasan, kesusahan dan zaman mereka berjuang keras untuk menanamkan benih 'aqidah yang luhur di bumi yang degil.

Gambaran Zaman Dan Mentaliti Masyrakat Di Peringkat Awal Da'wah

Demikian juga dari gaya penjelasan, pengungkapan surah ini dan isi-isi pembicaraannya dapatlah kita melihat sifat-sifat dan keadaan-keadaan masyarakat yang dihadapi oleh da'wah Islam, iaitu sifat-sifat kebersahajaan dan primitif dalam bidang kepercayaan, pemikiran, perasaan, minat dan masalah-masalah. Kita dapat melihat kebersahajaan itu di dalam cara mereka memerangi da'wah dengan mengatakan Nabi s.a.w. itu gila, iaitu satu tuduhan kontan tanpa kepandaian menggunakan alasan-alasan yang lebih halus dan elok. Ini adalah gaya percakapan orang-orang yang tidak mempunyai kata-kata yang lain dari maki hamun yang kesat yang diucapkannya tanpa pendahuluan dan alasan-alasan sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang jakun.

Ciri-ciri Kebersahajaan Cara Berfikir

Kebersahajaan mereka juga dapat difahamkan dari cara jawapan Allah terhadap tuduhan mereka yang dusta, iaitu satu cara yang sesuai dengan keadaan mereka:

مَآ أَنتَ بِنِعْمَةِ رَبِّكَ بِمَجْنُونٍ ﴿٢﴾

وَإِنَّ لَكَ لَأَجْرًا غَيْرَ مَمْنُونٍ ﴿٣﴾

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

فَسَتُبْصِرُ وَيُبْصِرُونَ ﴿٥﴾ بِأَييِّكُمُ ٱلْمَفْتُونُ ﴿٦﴾

"Engkau bukannya seorang gila dengan sebab ni'mat (nubuwah) dari Tuhanmu(2). Dan sesungguhnya engkau akan mendapat pahala yang tidak berkeputusan(3). Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung (4). Oleh itu, engkau akan melihat mereka juga akan melihat(5). Siapakah sebenarnya di antara kamu yang diuji (dengan kegilaan)?"(6)

Juga dapat difahamkan dari ancaman Allah yang terbuka:

فَذَرْنِي وَمَن يُكَذِّبُ بِهَٰذَا ٱلْحَدِيثِ سَنَسْتَدْرِجُهُم مِّنْ حَيْثُ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٤﴾

وَأُمْلِي لَهُمْ إِنَّ كَيْدِي مَتِينٌ ﴿٤٥﴾

"Oleh itu, tinggalkan sahaja kepada-Ku orang-orang yang mendustakan Al-Qur'an itu. Kami akan menarik mereka perlahan-lahan (ke jurang kebinasaan) tanpa disedari mereka(44). Dan Aku memberi tempoh kepada mereka. Sesungguhnya rancangan balasan-Ku amat rapi."(45)

Kebersahajaan mereka juga dapat diperhatikan dari jawapan Allah terhadap caci maki salah seorang tokoh dari mereka:

وَلَا تُطِعْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿١٠﴾

هَمَّازٍ مَّشَّآءٍ بِنَمِيمٍ ﴿١١﴾

مَّنَّاعٍ لِّلْخَيْرِ مُعْتَدٍ أَثِيمٍ ﴿١٢﴾ عُتُلٍّ بَعْدَ ذَٰلِكَ زَنِيمٍ ﴿١٣﴾

"Dan janganlah engkau tunduk kepada setiap orang yang banyak bersumpah dan hina (budi pekertinya) (10). Yang banyak mengumpat dan banyak berjalan menabur fitnah(11). Pencegah kebajikan, penceroboh dan banyak berdusta(12). Berhati keras dan selain itu ia juga terkenal jahat."(13)

Kebersahajaan itu juga dapat diperhatikan dari kisah tuan-tuan kebun yang dikemukakan kepada mereka sebagai perbandingan, iaitu kisah satu kumpulan manusia yang daif dalam cara-cara mereka berfikir dan memahami sesuatu dan dalam lagak-lagak keangkuhan dan kesombongan mereka, juga dalam gerak-geri tutur kata mereka:

فَٱنطَلَقُوا۟ وَهُمْ يَتَخَٰفَتُونَ ﴿٢٣﴾

أَن لَّا يَدْخُلَنَّهَا ٱلْيَوْمَ عَلَيْكُم مِّسْكِينٌ ﴿٢٤﴾

"Lalu mereka pergi sambil berbisik-bisik(23). Jangan ada seorang miskin pun yang masuk ke dalam kebun menemui kamu."(24)

Dan akhirnya kita dapat melihat kebersahajaan mereka tersirat dengan jelas dalam, cabaran-cabaran Al-Qur'an yang dihadapkan kepada mereka:

أَمْ لَكُمْ كِتَٰبٌ فِيهِ تَدْرُسُونَ ﴿٣٧﴾

إِنَّ لَكُمْ فِيهِ لَمَا تَخَيَّرُونَ ﴿٣٨﴾

أَمْ لَكُمْ أَيْمَٰنٌ عَلَيْنَا بَٰلِغَةٌ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ إِنَّ لَكُمْ لَمَا تَحْكُمُونَ ﴿٣٩﴾

سَلْهُمْ أَيُّهُم بِذَٰلِكَ زَعِيمٌ ﴿٤٠﴾

"Atau apakah kamu mempunyai sebuah kitab yang kamu mempelajarinya?(37). Bahawa (tersebut di dalamnya) kamu boleh memilih apa sahaja yang kamu sukai(38). Atau apakah kamu mempunyai janji-janji yang disanggupi oleh Kami sampai hari Qiamat bahawa kamu boleh membuat keputusan sesuka hati kamu(39). Tanyakan mereka siapakah di antara mereka yng menjamin dakwaan yang sedemikian?"(40)

Kejayaan Islam Mengangkat Umat Dalam Masa Yang Pendek

Itulah sifat-sifat dan keadaan-keadaan yang jelas tersirat dari pengungkapan Al-Qur'an. Sifat-sifat dan keadaan-keadaan itu amat berguna dalam pengkajian sirah, peristiwa-peristiwanya dan langkah-langkah da'wah dan sejauh mana kejayaan Al-Qur'an mengangkatkan masyarakat dan kelompok umat ini di masa-masa akhir hayat Rasulullah s.a.w., dan sejauh mana perubahan yang dibawa Al-Qur'an dalam cara-cara pemikiran, kefahaman, perasaan dan minat mereka yang bersahaja atau na'if itu sebagaimana dapat diperhatikan dengan jelas dalam gaya-gaya penerangan Al-Qur'an selepas itu, juga dapat diperhatikan dalam hakikat-hakikat, perasaan-perasaan, kefahaman-kefahaman, minat-minat dan perhatian mereka selepas dua puluh tahun kemudian, iaitu satu jangka waktu yang hanya merupakan sekelip mata sahaja dalam kehidupan umat-umat. Ini adalah satu angka waktu yang amat pendek yang tidak dapat diukur dengan perubahan-perubahan yang luas dan menyeluruh yang dialami oleh kelompok-kelompok umat itu dalam masa yang sependek ini. Dengan perubahan itu mereka telah berjaya memegang tampuk kepimpinan umat manusia, meningkatkan kefahaman-kefahaman dan akhlak mereka ke puncak yang tak pernah ditingkati oleh mana-mana kepimpinan di dalam sejarah umat manusia. Perubahan itu bukan sahaja dari sudut 'aqidah dan implikasinya dalam kehidupan manusia di bumi, bukan sahaja dari sudut keluasannya dan kesyumulannya yang merangkul seluruh umat manusia dengan toleransi dan simpati, malah dari sudut ia dapat memenuhi keperluan-keperluan perasaan mereka, keperluan-keperluan pemikiran mereka, keperluan-keperluan kemasyarakatan mereka dan seterusnya keperluan-keperluan mengendalikan pengurusan dan peraturan di dalam berbagai-bagai bidang.

Itulah satu mu'jizat yang kelihatan jelas di dalam perubahan mereka dari kebersahajaan yang dapat diperhatikan sifat-sifatnya dari celah-celah penerangan surah ini dan sebagainya kepada satu kemajuan yang begitu mendalam dan meluas iaitu satu perubahan yang lebih besar dari semata-mata perubahan dari sedikit kepada banyak, dan dari semata-mata perubahan dari lemah kepada kuat, kerana pembinaan jiwa dan akal adalah lebih sukar dari pembinaan bilangan-bilangan dan barisan-barisan.

* * * * * *

(Pentafsiran Ayat 1)

نٓ ۚ وَٱلْقَلَمِ وَمَا يَسْطُرُونَ ﴿١﴾

"Nun. Demi pena dan demi tulisan yang ditulis mereka."(1)

Allah S.W.T. bersumpah dengan Nun, dengan pena dan dengan tulisan. Wujudnya hubungan di antara huruf Nun (sebagai salah satu huruf abjadiyah) dengan pena dan tulisan adalah amat jelas. Allah bersumpah dengan pena dan tulisan untuk menerangkan betapa besarnya nilai peranan pena dan tulisan, juga untuk menggalakkan ke arah mendapatkan kepandaian tulis menulis di tengah-tengah umat yang belum lagi cenderung belajar menerusi cara ini. Kepandaian tulis menulis dalam masyarakat ini amat mundur dan sedikit, sedangkan peranannya yang telah ditentukan di dalam ilmu Allah memerlukan kesuburan kepandaian itu agar tersebar di dalam kalangan umat itu supaya mereka dapat memindahkan 'aqidah Islam dan sistem hidupnya yang ditegakkan di atas 'aqidah itu ke merata pelosok dunia, dan supaya mereka dapat memimpin umat manusia dengan kepimpinan yang betul. Memang tidak dapat diragui lagi bahawa kepandaian tulis menulis merupakan unsur asasi untuk melaksanakan tugas yang agung itu.

Di antara dalil yang menguatkan pengertian ini ialah wahyu pertama dari Allah S.W.T. dimulakan dengan firman-Nya:

ٱقْرَأْ بِٱسْمِ رَبِّكَ ٱلَّذِى خَلَقَ ﴿١﴾

خَلَقَ ٱلْإِنسَٰنَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ ٱقْرَأْ وَرَبُّكَ ٱلْأَكْرَمُ ﴿٣﴾

ٱلَّذِى عَلَّمَ بِٱلْقَلَمِ ﴿٤﴾ عَلَّمَ ٱلْإِنسَٰنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

"(Wahai Muhammad!) Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan (seluruh makhluk). Ia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu Yang Paling Pemurah. Yang mengajar dengan pena. Dia mengajar manusia ilmu pengetahuan yang tidak diketahuinya."

(Surah al-'Alaq: 1-5)

Firman ini dihadapkan kepada Nabi yang ummi (yang tidak tahu menulis dan membaca) yang telah ditaqdirkan Allah bahawa beliau bersifat ummi kerana sesuatu hikmat yang tertentu, tetapi Allah memulakan wahyu itu dengan menyanjung tinggi kepandaian membaca dan kepandaian mengajar dengan mata pena kemudian Allah tekankan perhatian ini sekali lagi di dalam surah ini dalam bentuk sumpah, **"Nun. Demi pena dan demi tulisan yang ditulis mereka."** Ini merupakan satu siri dari methodologi tarbiyah Ilahi untuk mendidik umat Muslimin dan melengkapkan mereka untuk tujuan melaksanakan tugas da'wah global yang amat besar yang telah direncanakan Allah di dalam ilmu-Nya yang tersembunyi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 2 - 3)

Allah S.W.T. bersumpah dengan Nun, dengan kalam dan tulisan yang ditulis manusia, untuk menyanjung tinggi nilai kepandaian menulis sebagaimana telah diterangkan tadi. Tujuan sumpah ini ialah untuk menolak tuduhan jahat kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. Allah menangkis tuduhan itu kerana keredhaan Allah mengurniakan ni'mat nubuwah kepada beliau itu sendiri menolakkan tuduhan itu:

"Engkau bukannya seorang gila dengan sebab ni'mat (nubuwah) dari Tuhamnu."(2)

Dalam ayat yang pendek ini Allah menthabit dan menafi, iaitu Allah menthabitkan ni'mat nubuwah kepada Nabi-Nya dalam satu ungkapan yang membayangkan kemesraan-Nya kepada beliau dan maqam kehampiran beliau kepada-Nya, apabila Allah hubungkan beliau dengan zat-Nya dengan kata-kata "Tuhanmu". Sekaligus itu juga ia menafikan tuduhan jahat yang tidak sesuai dengan pengurniaan ni'mat Allah kepada beliau selaku hamba pilihan-Nya yang mempunyai kedudukan dan hubungan yang dekat kepada-Nya.

Tuduhan Yang Dibohongi Kepercayaan Mereka Sendiri

Setiap pengkaji sirah Rasulullah s.a.w. di dalam kalangan kaumnya akan merasa hairan terhadap tuduhan itu, kerana mereka benar-benar tahu bahawa beliau mempunyai akal fikiran yang mengatasi orang lain hingga mereka pernah melantikkan beliau sebagai hakim untuk mengadili perbalahan mereka dalam menentukan siapakah yang patut mengangkat al-Hajarul-Aswad berpuluh-puluh tahun sebelum beliau diangkat menjadi Rasul. Mereka juga telah menggelarkan beliau sebagai al-Amin (orang yang beramanah) dan mereka terus menyimpan amanah-amanah mereka pada beliau hingga ke masa beliau berhijrah ke Madinah iaitu setelah mereka melancarkan tentangan yang hebat terhadap beliau. Menurut riwayat yang thabit, Sayyidina 'Ali karramallahu wajhahu menangguhkan hijrahnya beberapa hari selepas pemergian Rasulullah s.a.w. untuk memulangkan barang-barang amanah mereka yang tersimpan di sisi Rasulullah s.a.w. walaupun beliau dimusuhi sengit oleh mereka. Mereka tidak pernah dapati beliau berbohong dengan mereka, walau sekalipun, sebelum beliau diangkat menjadi Nabi. Apabila Heraklius (Seri Maharaja Kerajaan Roman Timur) bertanya Abu Sufyan tentang beliau, "Apakah kamu pernah menuduh beliau berdusta sebelum dia menjadi Nabi?" Jawab Abu Sufyan yang menjadi musuh ketat beliau pada masa itu, "Tidak pernah." Lalu Heraklius bertitah, "Tentulah mustahil, dia tidak pernah berbohong dengan manusia kemudian berbohong dengan Allah."

Seseorang tentulah hairan bahawa kemarahan dan dendam kaum Musyrikin terhadap beliau begitu memuncak hingga sampai kepada had mereka sanggup membuat tuduhan yang seperti itu terhadap seorang yang berbudi tinggi dan mulia, seorang yang terkenal mempunyai akal fikiran yang bijak dan perangai yang lurus. Perasaan dendam kesumat telah membutatulikan mereka. Tujuan mereka membuat tuduhan yang jahat itu ialah untuk mengatakan bahawa beliau adalah seorang pendusta yang berdosa. Tetapi dendam yang tidak mengenang budi dan tuduhan mereka yang jahat itu dijawab Allah dengan ungkapan yang penuh kemesraan dan penghormatan-Nya terhadap beliau:

مَآ أَنتَ بِنِعۡمَةِ رَبِّكَ بِمَجۡنُونٖ ﴿٢﴾

وَإِنَّ لَكَ لَأَجۡرًا غَيۡرَ مَمۡنُونٖ ﴿٣﴾

"Engkau bukannya seorang gila dengan sebab ni'mat (nubuwah) dari Tuhanmu(2). Dan sesungguhnya engkau akan mendapat pahala yang tidak berkeputusan."(3)

Yakni pahala yang terus bersambung-sambung, tidak putus-putus dan tidak habis-habis, iaitu pahala di sisi Tuhanmu yang telah mengurniakan nubuwah dan maqam yang tinggi kepadamu.

Itulah hiburan dan pampasan yang melimpah-ruah terhadap segala penafian, kekasaran dan tuduhan dusta yang dilemparkan kaum Musyrikin kepada beliau. Kini apakah kerugian dan kehilangan Rasulullah s.a.w. setelah Allah berfirman kepadanya dengan penuh mesra dan hormat, **"Sesungguhnya engkau akan mendapat pahala yang tidak berkeputusan."**

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 4)

Kemudian tiba pula pengakuan dan penghormatan yang amat besar:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٖ ﴿٤﴾

"Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung."(4)

Kemampuan Rasulullah Menerima Sanjungan Allah Dengan Tenang

Seluruh pelusuk alam buana bergema dengan sanjungan Ilahi yang unik kepada Nabi yang mulia, dan terpacaklah sanjungan yang tinggi itu di jantung alam buana. Lemahlah segala pena dan lemahlah segala daya khayal untuk menggambarkan nilai kalimah pengakuan yang agung dari Tuhan semesta alam itu.

Itulah pengakuan dari Allah mengikut neraca Allah terhadap seorang hamba Allah. **"Sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung"** dan pengertian akhlak yang agung itu ialah mengikut ukuran Allah yang tidak dapat ditanggap jarak jatuhnya oleh sesiapapun.

Makna sanjungan yang agung terhadap kebesaran budi pekerti Nabi Muhammad s.a.w. itu dapat dilihat

dari berbagai-bagai sudut. Ia dilihat dari sudut bahawa sanjungan yang agung itu adalah dari Allah Yang Maha Besar dan Maha Tinggi sendiri yang dirakamkan oleh dhamir alam buana dan ditegakkan dalam kewujudannya. Sanjungan itu bergema di alam al-Mala'ul-A'la hingga selama masa yang dikehendaki Allah. Ia juga dapat dilihat dari satu sudut yang lain iaitu dari sudut kemampuan Nabi Muhammad s.a.w. menerima sanjungan yang agung itu, sedangkan beliau tahu siapakah Tuhannya yang telah mengeluarkan sanjungan itu, siapakah Dia? Bagaimana keagungan-Nya? Apakah makna kalimat-kalimat sanjungan itu? Sejauh mana jarak jatuhnya? Sejauh mana gemanya?

Kemampuan Nabi Muhammad s.a.w. menerima kalimat yang agung ini dari Allah dengan tenang tanpa hancur di bawah tekanan kalimat sanjungan yang besar walau kalimat itu kalimat sanjungan, beliau mampu menerima sanjungan itu dengan syakhsiyah yang tenteram, teguh dan tidak terumbang ambing dalam gelombang perasaan terharu, adalah merupakan sebesar-besar bukti keagungan syakhsiyahnya.

Berbagai-bagai cerita mengenai keagungan budi pekerti Rasulullah s.a.w. telah diperikan di dalam sirah dan telah dikisahkan oleh para Sahabatnya. Perjalanan dan pembawaan hidup beliau yang sebenar merupakan saksi yang lebih besar dari semua cerita mengenai dirinya. Tetapi sanjungan dan pengakuan Allah yang agung itu mengandung erti yang lebih besar dari segala-galanya. Ia lebih besar kerana ia terbit dari Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar. Ia lebih besar kerana Nabi Muhammad s.a.w. menerimanya dengan kesedaran bahawa sanjungan yang agung itu datang dari Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar, juga kerana beliau dapat mengambil sikap yang mantap dan tenang, tidak menunjukkan sebarang keangkuhan terhadap orang lain, tidak merasa besar kepala dan berlagak sombong selepas mendengar pengakuan dan sanjungan dari Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar itu.

Akhlak Rasulullah Merupakan GambaranYang Hidup Dari Hakikat Agama Islam

Allah itu Maha Mengetahui tentang orang yang akan diserahkan amanah agama-Nya. Tiada orang lain melainkan Nabi Muhammad s.a.w. dengan jiwanya yang agung yang layak memikul amanah agama-Nya yang terakhir dengan segala keagungan universalnya yang paling besar. Beliaulah yang sesuai dengan tugas itu dan beliaulah yang merupakan gambaran yang hidup dari agama itu.

Agama Allah adalah begitu sempurna, begitu indah, begitu besar, begitu luas dan begitu benar dan tiada yang layak membawa agama itu melainkan orang yang telah di-sanjung Allah dengan sanjungan yang setinggi itu. Kemudian sanjungan itu (dapat diterimanya dengan tenang dan tenteram pula, iaitu ketenteraman hati yang besar yang dapat menampung hakikat agama dan hakikat sanjungan yang tinggi itu. Kemudian ia mampu pula menerima teguran dan kecaman Tuhannya terhadap setengah-setengah tindak-tanduknya dengan ketenangan dan ketenteraman yang sama. Beliau tidak segan-segan mengumumkan teguran dan kecaman Allah itu sebagaimana beliau umumkan sanjungan Allah terhadapnya.

Tiada satu pun yang disembunyikan sama ada teguran atau pujian. Itulah sifat Nabi yang mulia, hamba yang ta'at dan muballigh yang amanah.

Sesungguhnya hakikat jiwa Rasulullah s.a.w. adalah dari hakikat agama ini, dan keagungan jiwa beliau adalah dari keagungan agama ini. Sesungguhnya hakikat Muhammadiyah itu sama seperti hakikat Islamiyah, ia mempunyai skop yang lebih jauh dari skop mana-mana mikroskop manusia. Sejauh-jauh skop yang dapat diteropongi oleh peneropong-peneropong yang ingin mengetahui keagungan hakikat yang berkembar ini ialah ia dapat melihatnya tetapi tidak dapat menentukan skopnya, dia dapat menunjukkan lingkungan jalannya yang universal tetapi tidak dapat menentukan jalan itu.

Sekali lagi saya dapati diri saya tertarik untuk berhenti sejenak di samping makna ketenangan Rasulullah s.a.w. menerima sanjungan yang agung itu dari Tuhannya. Beliau sebagai manusia pernah memuji salah seorang dari sahabat-sahabatnya dan pujiannya yang besar itu telah menyebabkan sahabatnya itu dan sahabat-sahabatnya yang lain begitu terharu, sedangkan beliau hanya seorang manusia dan sahabatnya itu juga tahu bahawa beliau hanya seorang manusia. Memang benar beliau seorang Nabi, tetapi beliau tetap berada dalam lingkungan manusia yang terbatas. Adapun beliau sendiri yang telah menerima sanjungan yang agung dari Allah itu memang benar-benar mengenal siapa Allah. Beliau mengenal Allah begitu mendalam, beliau mengenal Allah dengan pengenalan yang tidak tercapai oleh seseorang yang lain darinya, namun begitu, beliau dapat menerima sanjungan yang agung itu dengan tenang, beliau menerima sanjungan yang agung itu kemudian beliau berlalu dengan tenteram. Ini adalah suatu perkara di luar segala daya imaginasi dan di luar segala dugaan.

Hanya Nabi Muhammad s.a.w. sahaja yang dapat meningkat ke puncak keagungan yang sempurna itu. Hanya Muhammad sahaja yang sampai ke kemuncak kesempurnaan insan, iaitu kesempurnaan yang serupa dengan Nafkhatullah (نفخة الله) pada diri manusia. Hanya Muhammad sahaja yang benar-benar layak memikul amanah agama kemanusiaan global itu hingga hakikat agama itu benar-benar hidup tergambar pada dirinya, seolah-olah agama itu berjalan di bumi ini dengan bersarungkan kulit manusia. Hanya Muhammad sahaja pada ilmu Allah yang layak menduduki maqam yang tinggi itu. Allah Maha Mengetahui tentang siapakah yang layak

menerima amanah agama-Nya, dan dalam surah ini Allah mengumumkan bahawa Muhammad itu mempunyai akhlak yang agung, dan di dalam surah yang lain Allah mengumumkan bahawa Dia bersama-sama para malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w.

Kedudukan Akhlak Dalam Hakikat Islamiyah

"Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi (Muhammad)"

(Surah al-Ahzab: 56)

Hanya Allah sahaja yang berkuasa mengurniakan kelebihan yang agung itu kepada seorang hamba dari para hamba-Nya.

Ayat ini menunjukkan betapa mulianya unsur akhlak dalam neraca Allah dan keaslian unsur akhlak di dalam hakikat Islamiyah itu sama seperti keaslian hakikat Muhammadiyah.

Orang yang meneliti dan mengkaji 'aqidah Islam ini sama seperti orang yang meneliti dan mengkaji sirah rasul-Nya, iaitu dia akan dapati unsur akhlak itu begitu menonjol dan sebati dalam 'aqidah ini. Lunas-lunas perundangan dan pendidikannya adalah ditegakkan di atas akhlak. Da'wah agung di dalam 'aqidah ini ialah menyeru manusia kepada kebersihan, kesucian, amanah, benar, keadilan, timbangrasa, kasihan belas, memelihara janji, persamaan perbuatan, persamaan perkataan dan perbuatan dengan niat dan dengan hati nurani, juga melarang mereka melakukan penganiayaan, kezaliman, tipudaya, makan harta orang lain dengan cara yang tidak sebenar, menceroboh kehormatan dan maruah orang lain dan menyebarkan kejahatan seks dalam apa bentuk sekalipun. Segala perundangan di dalam 'aqidah ini adalah untuk melindungi lunas-lunas ini dan untuk memelihara unsur akhlak dalam perasaan, tingkahlaku, lubuk hati nurani, realiti kehidupan masyarakat, hubungan individu, hubungan kemasyarakatan dan dalam hubungan antarabangsa.

Rasulullah Dibangkitkan Untuk Menegakkan Akhlak Yang Mulia

Rasulullah s.a.w. yang mulia pernah bersabda:

إنما بعثت لأتمم مكارم الأخلاق

"Sesungguhnya aku dibangkit untuk menyempurnakan budi pekerti yang mulia."

Dalam sabda ini beliau telah mengintipatikan risalah yang dibawanya dalam matlamat pembinaan akhlak yang luhur itu. Di sana terdapat banyak hadith-hadith yang menggalakkan manusia supaya mengamalkan setiap budi pekerti yang mulia. Sementara sirah peribadinya sendiri merupakan satu contoh yang hidup, satu lembaran yang bersih dan satu gambaran yang luhur yang wajar menerima kalimat sanjungan dari Allah dalam kitab suci-Nya yang abadi:

"Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung."(4)

Dengan sanjungan ini Allah memuliakan Nabi-Nya s.a.w. dan memuliakan unsur akhlak dalam agama-Nya yang dibawa oleh Nabi-Nya yang mulia itu. Dengan akhlak yang mulia ini Allah menghubungkan bumi dengan langit dan menghubungkan hati orang-orang yang cintakan kepada-Nya apabila Ia menerangkan kepada mereka tentang akhlak yang lurus yang disukai dan diredhai-Nya.

Akhlak Dalam Islam Bukan Dari Bumi

Pandangan ini merupakan pandangan yang unik mengenai tata akhlak dalam Islam, kerana tata akhlak Islam bukanlah lahir dari masyarakat dan bukanlah hasil dari pertimbangan-pertimbangan bumi. Ia tidak bergantung kepada pertimbangan adat tradisi atau pertimbangan muslihat dan kepentingan atau kepada perhubungan yang wujud di dalam sesuatu generasi, malah ia diambil dari langit dan bergantung kepada langit. Ia mengambil dari seruan-seruan langit kepada bumi supaya memandang ke ufuk yang tinggi. Ia mengambil dari sifat-sifat Allah yang bebas dari segala batasan dan ikatan untuk direalisasikan manusia dalam batas kemampuan mereka supaya mereka dapat menegakkan insaniyah mereka yang tinggi dan layak menerima penghormatan dari Allah dan menjadi khalifah-Nya di bumi, juga supaya mereka layak memasuki kehidupan Akhirat yang luhur dengan mendapat kedudukan yang tinggi di sisi Allah:

فِي مَقْعَدِ صِدْقٍ عِندَ مَلِيكٍ مُّقْتَدِرٍ ﴿٥٥﴾

"Di majlis penghormatan yang tulen disisi Tuhan Yang Maha Pemilik dan Maha Berkuasa."

(Surah al-Qamar: 55)

Oleh kerana itu akhlak Islam tidak terikat dan tidak terbatas dengan pertimbangan-pertimbangan yang wujud di bumi, malah akhlak Islam adalah bebas. Ia boleh meningkat tinggi sejauh yang mampu dicapai manusia, kerana akhlak Islam bercita-cita untuk melahirkan sifat-sifat Allah yang bebas dari segala batasan dan ikatan.

Di samping itu akhlak-akhlak Islam bukanlah merupakan budi pekerti-budi pekerti yang baik yang berasing-asingan iaitu benar, amanah, adil, bertimbangrasa dan berbudi, malah ia merupakan cara hidup yang sepadu, di mana asuhan dan pendidikan akhlak selaras dengan undang-undang dan peraturan-peraturan masyarakat dan di atasnya ditegakkan seluruh wawasan hidup umat dan seluruh arah tujuannya di mana ia akan berakhir kepada Allah bukan kepada mana-mana pertimbangan yang lain dari pertimbangan-pertimbangan hidup di dunia ini.

Seluruh Akhlak Yang Mulia Tergambar Pada Syakhsiyah Rasulullah

Semua akhlak Islam yang sempurna, indah, seimbang, lurus, berterusan dan mantap ini adalah tergambar dengan jelas pada syakhsiyah Nabi Muhammad s.a.w. dan pada sanjungan Allah yang amat tinggi terhadap beliau:

"Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung."(4)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 7)

Selepas memberi sanjungan yang tinggi kepada hamba-Nya Allah menenangkan hati beliau terhadap masa depannya dengan kaum Musyrikin yang telah membuat tuduhan yang dusta, dan Allah mengancam mereka untuk mendedahkan keburukan, kesalahan dan kesesatan mereka yang amat nyata:

"Oleh itu, engkau akan melihat dan mereka juga akan melihat(5). Siapakah sebenarnya di antara kamu yang diuji (dengan kegilaan)?(6). Sesungguhnya Tuhanmu itulah yang lebih mengetahui siapakah yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah juga yang lebih mengetahui siapakah orang-orang yang mendapat hidayat?"(7).

Apakah Maksud Sebenar Tuduhan Mereka?

Orang yang diuji itu ialah seorang tokoh yang sesat. Inilah orang yang dijanjikan Allah untuk mendedahkan rahsianya kepada Rasulullah atau ialah orang yang terbuka tembelangnya ketika diuji Allah. Kedua-dua pengertian itu hampir-hampir sama. Maksud janji itu ialah untuk memberi ketenteraman kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada orang-orang Mu'min yang ada bersamanya, di samping memberi ancaman kepada penentang-penentang beliau yang melempar tuduhan yang jahat itu. Apakah maksud gila yang dilemparkan mereka kepada beliau? Yang lebih hampir kepada kemungkinan mereka bukan bermaksud dengan gila itu ialah kehilangan akal, kerana tuduhan ini terang-terang dibohongkan oleh kenyataan, malah yang dimaksudkan mereka ialah beliau dirasuk oleh jin-jin dan jin-jin inilah yang menurunkan ayat-ayat Al-Qur'an yang aneh dan indah kepadanya. Menurut kepercayaan mereka setiap penyajak itu mempunyai syaitan yang mengilhamkan ungkapan-ungkapan yang indah. Tetapi apa yang dimaksudkan mereka itu amat jauh dari hakikat keadaan Nabi s.a.w. yang sebenar, juga amat ganjil dari sifat wahyu-wahyu yang diwahyukan kepada beliau yang mengandungi perkataan-perkataan yang teguh, benar dan lurus.

Janji Allah ini menyarankan bahawa hari esoklah yang akan mendedahkan hakikat Nabi dan hakikat pendusta-pendustanya. Hari esoklah yang akan menentukan siapakah sebenarnya yang diujikan dengan kegilaan itu atau siapakah sebenarnya yang sesat dalam dakwaan-dakwaan yang dikatakan olehnya? Janji ini menenangkan beliau kerana:

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿٧﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu itulah yang lebih mengetahui siapakah yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah juga yang lebih mengetahui siapakah orang-orang yang mendapat hidayat?"(7)

Allahlah yang telah menurunkan wahyu kepadanya, kerana itu Allah mengetahui bahawa beliau dan pengikut-pengikutnya itulah orang-orang yang sebenar mendapat hidayat. Pengumuman ini menenangkan hati beliau dan menimbulkan kegelisahan dan kebimbangan di dalam hati musuh-musuhnya.

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 9)

Mereka Tidak Begitu Yakin Dengan Kepercayaan Jahiliyah

Kemudian Allah dedahkan kepada Rasulullah s.a.w. hakikat mereka yang sebenar dan hakikat perasaan-perasaan mereka semasa mempertikaikan kebenaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan menuduh beliau dengan tuduhan yang jahat itu. Sebenarnya mereka berada dalam keadaan goyah terhadap kepercayaan-kepercayaan jahiliyah yang dipegang mereka. Mereka pura-pura memperlihatkan bahawa mereka begitu kuat berpegang dengannya, sedangkan sebenarnya mereka bersedia untuk meninggalkan sebahagian besar dari kepercayaan-kepercayaan yang karut itu, andainya Nabi s.a.w. sanggup meninggalkan beberapa perkara yang diserukannya kepada mereka. Mereka juga bersedia untuk melunakkan pendirian mereka supaya beliau juga dapat melunakkan pendiriannya. Mereka bukanlah pejuang-pejuang 'aqidah yang benar-benar percaya bahawa 'aqidah mereka adalah benar, malah mereka adalah pejuang pura-pura yang mahu melindungkan hakikat yang sebenar:

فَلَا تُطِعِ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿٨﴾

وَدُّوا۟ لَوْ تُدْهِنُ فَيُدْهِنُونَ ﴿٩﴾

"Oleh itu, janganlah engkau tunduk kepada pendusta-pendusta(8). Mereka suka jika engkau bersikap lunak, supaya mereka juga bersikap lunak."(9)

Tidak Ada Tawar Menawar Dengan Kepercayaan Jahiliyah

Itulah tawar-menawar dan mencari titik pertemuan di pertengahan jalan yang dikehendaki mereka sebagaimana biasa mereka lakukannya di dalam urusan perdagangan, sedangkan perbezaan di antara urusan 'aqidah dengan urusan perdagangan amatlah besar. Pejuang 'aqidah tidak akan meninggalkan 'aqidah barang sedikitpun, kerana sesuatu yang kecil di dalam 'aqidah sama seperti sesuatu yang besar, malah di dalam 'aqidah tidak ada yang kecil dan yang besar. 'aqidah merupakan satu hakikat yang mempunyai bahagian-bahagian yang sepadu yang tidak dapat ditinggalkan sedikitpun oleh pejuang-pejuangnya.

Islam tidak mungkin bertemu dengan jahiliyah di pertengahan jalan dan tidak mungkin pula bertemu di mana-mana jalan yang lain. Itulah sikap Islam terhadap jahiliyah di setiap zaman dan tempat sama ada jahiliyah dahulu atau jahiliyah hari ini atau jahiliyah akan datang. Semuanya itu sama sahaja jurang yang memisahkan di antara jahiliyah dan Islam tidak mungkin dilintasi, tidak mungkin didirikan jambatan dan tidak mungkin dihubungkan. Ia merupakan satu pertarungan yang mutlak yang mustahil didamaikan.

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat yang mengisahkan usaha-usaha tolak ansur dilakukan oleh kaum Musyrikin untuk memujuk Nabi s.a.w. supaya beliau melunakkan pendiriannya terhadap mereka dan supaya beliau menghindari perbuatan mencela tuhan-tuhan sembahan mereka dan membodoh-bodohkan cara-cara ibadat mereka, atau supaya beliau mengikut sesuatu dari amalan agama mereka agar mereka dapat mengikut agama yang dibawa oleh beliau dengan tujuan untuk memelihara air muka mereka di hadapan orang ramai Arab mengikut kebiasaan orang yang tawar-menawar dan orang yang mencari penyelesaian separuh-separuhan. Tetapi Rasulullah s.a.w. tetap cekal dan tegas dalam pendiriannya mengenai urusan agama. Beliau tidak pernah bertolak ansur dan lembut, sedangkan beliau dalam urusan-urusan yang lain dari urusan agama merupakan manusia yang paling lembut dan lunak, paling baik layanannya dan paling suka memilih yang mudah dan memberi kemudahan. Tetapi agama tetap agama. Beliau tetap mematuhi arahan Allah:

"Oleh itu, janganlah engkau tunduk kepada pendusta-pendusta."(8)

Nabi s.a.w. tidak pernah tawar-menawar dalam urusan agamanya walaupun beliau berada dalam keadaan pertentangan yang sengit di Makkah. Da'wah beliau dikepung, sahabat-sahabatnya yang sedikit dicolek dan diseksa. Mereka menderita begitu teruk dengan penuh kesabaran kerana agama Allah. Tetapi beliau tidak pernah diam dari mengeluarkan sepatah kata yang patut dikatakan di depan muka orang-orang kuat kaum Musyrikin yang angkuh itu dengan tujuan untuk mengambil hati mereka atau untuk menolak gangguan mereka. Begitu juga beliau tidak pernah diam dari menjelaskan sesuatu hakikat yang menyentuh 'aqidah sama ada dekat atau jauh.

Reaksi Pembesar-pembesar Quraysy Menghadapi Da'wah Yang Da'wah Yang Tidak Mengenal Tolak Ansur

Menurut riwayat Ibn Hisham di dalam as-Sirah dari Ibn Ishaq katanya; Apabila Rasulullah s.a.w. menyeru kaumnya secara terang-terangan seperti yang diperintahkan Allah, kaumnya tidak menjauhi diri dari beliau dan tidak pula bertindak balas terhadap beliau - mengikut cerita yang sampai kepadaku - sehingga beliau menyebut tuhan-tuhan sembahan mereka dan mencelanya. Apabila beliau bertindak demikian barulah mereka menentangnya dan berpakat memusuhinya melainkan mereka yang dilindungi Allah dengan memeluk agama Islam, tetapi bilangan mereka sangat kecil dan terpaksa bersembunyi. Bapa saudaranya Abu Talib telah menunjukkan simpatinya kapada Rasulullah s.a.w. dan mempertahankannya, sedangkan beliau terus melaksanakan tugasnya menzahirkan agama Allah dan tiada suatu apa pun yang dapat menghalangnya.

Pendirian Abu Talib Dibantah

Apabila orang-orang Quraysy melihat Rasulullah s.a.w. tidak mempedulikan bantahan mereka terhadap perbuatan beliau yang memisahkan diri dari mereka dan mencela tuhan-tuhan sembahan mereka, dan begitu juga apabila mereka melihat bapa saudaranya Abu Talib telah bersimpati dengan beliau dan mempertahankan beliau tanpa menyerahnya kepada mereka, maka pembesar-pembesar Quraysy pun pergi menemui Abu Talib. Mereka ialah 'Utbah, Syaybah kedua-duanya anak Rabi'ah, Abu Sufyan ibn Harb ibn Umayyah, Abul-Bakhtari iaitu al-'As ibn Hisyam, al-Aswad ibn al-Muttalib ibn Asad, Abu Jahl iaitu 'Amr ibn Hisyam yang digelarkan Abu al-Hakam, al-Walid ibn al-Mughirah, Nabih dan Munabbih anak al-Hajjaj ibn 'Amir dan lain-lain lalu mereka berkata: "Wahai Abu Talib, anak saudara anda telah mencaci tuhan-tuhan kami, mencela agama kami, membodoh-bodohkan fikiran kami dan menuduh nenek moyang kami sebagai sesat. Oleh itu, kami minta anda halangkannya dari mencaci kami atau serahkan sahaja dia kepada kami, kerana anda sendiri juga seperti kami tidak sama dengannya, supaya kami dapat melindungi anda darinya." Lalu Abu Talib memberi satu jawapan yang lemah-lembut dan membalas kata-kata mereka dengan baik. Selepas itu mereka pun bersurai darinya.

Rasulullah s.a.w. terus menjalankan tugasnya menyebarkan agama Allah dan menyeru orang ramai kepadanya, kemudian hubungan di antara beliau dengan kaum Quraysy semakin tegang dan buruk hingga mereka menjauhkan diri dan menaruh dendam kesumat terhadapnya. Mereka banyak memperkatakan tentang Rasulullah s.a.w. dan meluahkan kemarahan mereka terhadapnya serta

memberangsangkan satu sama lain supaya menentangnya. Kemudian mereka sekali lagi pergi menemui Abu Talib dan berkata kepadanya: "Wahai Abu Talib! Anda seorang tua yang mempunyai kedudukan yang terhormat dan tinggi dalam kalangan kami. Kami telah pun meminta anda melarang anak saudara anda, tetapi anda tidak juga melarangkannya dari menyakiti kami. Demi Allah, kami tidak sanggup lagi bersabar di atas perbuatannya yang mencaci datuk nenek kami, membodoh-bodohkan akal fikiran kami dan menghinakan tuhan-tuhan kami sehingga anda bertindak mencegahkannya dari menyakiti kami atau kami bertindak menentangnya dan menentang anda bersama sehingga tewas salah satu dari dua pihak ...."

Jawapan Tegas Rasulullah Kepada Abu Talib

Kemudian mereka, bersurai darinya. Kini Abu Talib merasa begitu berat untuk berpisah dengan kaumnya dan memusuhi mereka, tetapi dia tidak tergamak menyerahkan Rasulullah s.a.w. kepada mereka dan tidak tergamak pula menghampakan beliau. Kata Ibn Ishaq: Kami telah diceritakan oleh Ya'kub ibn 'Uqbah ibn al-Mughirah ibn al-Akhnas ia telah menceritakan iaitu selepas pembesar-pembesar Quraysy itu memberi kata dua kepada Abu Talib dia pun menyuruh orang memanggil Rasulullah s.a.w. Lalu dia berkata kepadanya: "Wahai anak saudaraku, tadi kaum engkau telah datang menemui pakcik dan berkata kepada pakcik begini begitu. Oleh itu, tolonglah jaga diri pakcik dan diri engkau dan janganlah engkau bebankan pakcik dalam perkara ini hingga tidak dapat dipikul oleh pakcik." Lalu Rasulullah s.a.w. pun menyangka bahawa fikiran bapa saudaranya telah berubah, dan dia telah menghampakannya dan akan menyerahkannya kepada kaumnya, dia tidak sanggup lagi menolongnya dan berdiri bersamanya. Rasulullah s.a.w. pun berkata:

يا عم ، والله لو وضعوا الشمس في يميني والقمر في يساري على أن أترك هذا الأمر حتى يظهره الله أو أهلك فيه-ما تركته.

"Pakcik, demi Allah, andainya mereka letakkan matahari di kanan hamba dan bulan di kiri hamba supaya hamba tinggalkan da'wah ini nescaya tidak hamba tinggalkannya atau hamba mati kerananya."

Air mata memenuhi mata Rasulullah s.a.w., lalu beliau menangis, kemudian beliau bangkit. Sebaik sahaja Rasulullah s.a.w. hendak berundur dari situ, Abu Talib memanggilnya kembali dengan katanya: "Marilah, wahai anak saudaraku!." Lalu Rasulullah s.a.w. pun datang menghadapinya. Dia pun berkata: "Pergilah wahai anak saudaraku, dan katakanlah apa yang engkau suka. Demi Allah, aku tidak sekali-kali akan menyerahkan engkau kepada sesiapapun."

Itulah gambaran keazaman dan tekad Rasulullah s.a.w. untuk meneruskan tugas da'wahnya dalam sa'at beliau hendak ditinggalkan oleh bapa saudaranya, iaitu satu-satunya pelindung dan penolong beliau dan satu-satunya kubu terakhir di bumi yang dapat melindungkan beliau dari kejahatan musuh-musuhnya.

Itulah satu gambaran pendirian beliau yang sungguh kuat, indah dan baru dari segi hakikatnya, dari segi bentuknya, dari segi pengungkapannya dan dari segi kata-katanya iaitu sama baru dengan 'aqidah ini, sama indah dengan 'aqidah ini dan sama kuat dengan 'aqidah ini tepat seperti firman Allah Yang Maha Besar:

"Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung."(4)

Di sana ada lagi satu gambaran yang juga diriwayatkan oleh Ibn Ishaq, iaitu gambaran tawar-menawar secara langsung dari kaum Musyrikin kepada Rasulullah s.a.w. setelah mereka tidak berdaya menghadapi da'wahnya. Ketika itu setiap suku bertindak menyeksa sesiapa sahaja dari suku mereka yang memeluk agama Islam.

Cerita 'Utbah Membawa Tawaran-tawaran Lumayan Kepada Rasulullah

Kata Ibn Ishaq: Saya telah diceritakan oleh Yazid ibn Ziad dari Muhammad ibn Ka'b al-Qurazi katanya: Aku telah diceritakan bahawa 'Utbah ibn Rabi'ah salah seorang pembesar telah berkata pada suatu hari semasa dia duduk di majlis perhimpunan orang-orang Quraysy, sedangkan Rasulullah s.a.w. duduk seorang diri sahaja di dalam masjid: Wahai orang-orang Quraysy! Apa kata tuan-tuan jika saya pergi menemui Muhammad dan berbicara dengannya dan mengemukakan beberapa tawaran kepadanya semoga ia dapat menerima setengah-setengahnya, dan dapatlah kita berikan kepadanya apa sahaja yang disukainya supaya ia berhenti menyakiti kita? Peristiwa ini berlaku selepas Hamzah memeluk Islam dan mereka melihat sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. semakin bertambah ramai. Jawab mereka: Wahai Abu al-Walid! Pergilah kepadanya dan berbicaralah dengannya. Lalu 'Utbah pun bangkit dan terus pergi menemui beliau. Dia duduk mengadap Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai anak saudaraku! Sebagaimana anda tahu, anda ini adalah dari kaum kami. Anda mempunyai kedudukan yang terhormat di kalangan keluarga dan darjah yang tinggi dalam keturunan Quraysy. Anda telah membawa kepada kaum anda satu ajaran yang besar. Dengan ajaran ini anda telah memecahbelahkan perpaduan mereka, membodoh-bodohkan akal fikiran mereka, mencaci tuhan-tuhan dan agama mereka, mengkafirkan datuk nenek mereka. Oleh itu, dengarlah saya mahu kemukakan beberapa tawaran untuk difikirkan anda semoga anda boleh menerima setengah-setengahnya." Jawab Rasulullah s.a.w., "Baiklah, wahai Abu al-Walid. Cakaplah saya bersedia

mendengarnya." Lalu 'Utbah pun berkata: "Wahai anak saudaraku! Jika tujuan anda membawa ajaran ini untuk mendapatkan harta kekayaan, kami sanggup mengumpulkan harta kekayaan kami hingga anda dapat menjadi seorang yang paling kaya di kalangan kami. Jika tujuan anda untuk mendapatkan darjat kemuliaan, kami sanggup melantikkan anda sebagai ketua kami hingga kami tidak akan membuat sebarang keputusan tanpa persetujuan anda. Jika tujuan anda untuk menjadi raja, kami bersedia melantikkan anda sebagai raja kami. Andainya ajaran yang datang kepada anda itu dari rasukan jin yang tidak dapat ditolak oleh anda, maka kami bersedia mencari dukun dan kami akan membelanjakan harta kami hingga anda sembuh darinya, kerana kadang-kadang jin itu akan terus mengongkong seseorang sehingga ia diubati." Setelah selesai 'Utbah berbicara dan Rasulullah s.a.w. mendengarnya, beliau pun bersabda: "Sudahkah habis apa yang hendak dikatakan anda, wahai Abu al-Walid?" Jawab Abu al-Walid, "Ya". Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Dengarlah apa yang saya baca."

'Utbah Terpesona Dengan Al-Qur'an

Jawab Abu al-Walid, "Silalah!" Lalu beliau membaca:

حمٓ ﴿١﴾ تَنزِيلٌ مِّنَ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٢﴾
كِتَٰبٌ فُصِّلَتۡ ءَايَٰتُهُۥ قُرۡءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوۡمٍ يَعۡلَمُونَ ﴿٣﴾
بَشِيرًا وَنَذِيرًا فَأَعۡرَضَ أَكۡثَرُهُمۡ فَهُمۡ لَا يَسۡمَعُونَ ﴿٤﴾
وَقَالُواْ قُلُوبُنَا فِيٓ أَكِنَّةٍ مِّمَّا تَدۡعُونَآ إِلَيۡهِ وَفِيٓ ءَاذَانِنَا
وَقۡرٌ وَمِنۢ بَيۡنِنَا وَبَيۡنِكَ حِجَابٌ فَٱعۡمَلۡ إِنَّنَا عَٰمِلُونَ ﴿٥﴾
قُلۡ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثۡلُكُمۡ يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمۡ إِلَٰهٌ
وَٰحِدٌ فَٱسۡتَقِيمُوٓاْ إِلَيۡهِ وَٱسۡتَغۡفِرُوهُۗ وَوَيۡلٌ
لِّلۡمُشۡرِكِينَ ﴿٦﴾

"Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih". "Haa. Miim(1). Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih(2). Sebuah kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu sebagai bacaan di dalam bahasa Arab untuk kaum yang mengetahui(3). Yang membawa berita gembira dan membawa amaran 'azab, tetapi kebanyakan mereka berpaling dari-Nya. Oleh kerana itu mereka tidak mahu mendengarnya(4). Dan mereka berkata: Hati kami dalam tutupan yang (menghalangi kami) dari da'wah yang engkau serukan kami kepada-Nya, dan di dalam telinga kami ada penyumbat dan di antara kami dengan engkau ada dinding. Oleh itu, bekerjalah engkau untuk diri engkau dan kami bekerja untuk diri kami(5). Katakanlah: Sesungguhnya aku seorang manusia seperti kamu, aku telah diwahyukan bahawa Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu, hendaklah kamu tetap di atas jalan yang lurus menuju kepada-Nya dan memohon keampunan daripada-Nya. Dan kecelakaan yang besar disediakan untuk orang-orang Musyrikin."(6)

(Surah Fussilat : 1-6)

Kemudian Rasulullah s.a.w. meneruskan bacaannya dan 'Utbah mendengarnya dengan teliti. Ia menghulurkan dua tangannya ke belakang menongkatkan badannya mendengar bacaan itu. Kemudian bacaan Rasulullah s.a.w. berakhir kepada ayat sujud, lalu beliau pun sujud. Setelah itu beliau bersabda: "Wahai Abu al-Walid! Anda telah mendengar apa yang saya baca, terserahlah kepada anda menimbangnya." Lalu 'Utbah pun kembali kepada sahabat-sahabatnya. Mereka berkata satu sama lain: "Kami bersumpah dengan nama Allah bahawa Abu al-Walid telah balik kepada kamu dengan muka yang berlainan dari mukanya sewaktu ia pergi." Apabila 'Utbah duduk mengadap mereka, mereka pun bertanya: "Apa berita, wahai Abu al-Walid?" Jawab 'Utbah, "Beritanya, aku telah mendengar perkataan-perkataan yang tidak pernah aku mendengar sepertinya. Demi Allah perkataan-perkataan itu bukannya perkataan-perkataan sajak, bukan pula perkataan-perkataan jampi tukang sihir, bukan pula perkataan-perkataan mentera kahin. Wahai sekalian orang Quraysy! Ikutilah cakap saya, biarkanlah lelaki ini (Muhammad) dengan keadaannya yang ada sekarang ini, jangan ganggu dia. Demi Allah perkataan-perkataan yang telah aku dengar darinya itu akan melahirkan satu peristiwa yang besar. Jika orang-orang Arab bertindak di atasnya bererti kamu telah selamat darinya dengan tindakan orang-orang yang lain dari kamu, jika dia dapat menguasai orang-orang Arab, maka kerajaannya bererti kerajaan kamu, kemuliaan dan kekuasaannya bererti kemuliaan dan kekuasaan kamu dan kamu akan menjadi umat yang paling bahagia dengan sebabnya." Lalu mereka berkata: "Demi Allah, wahai Abu al-Walid, awak telah disihirkan oleh kepetahan lidahnya." Jawab Abu al-Walid, "Ini adalah pendapatku terhadapnya. Oleh itu, buatlah apa yang kamu suka."

Dalam satu riwayat yang lain, 'Utbah mendengar bacaan Rasulullah s.a.w. hingga sampai kepada firman-Nya:

فَإِنۡ أَعۡرَضُواْ فَقُلۡ أَنذَرۡتُكُمۡ صَٰعِقَةً مِّثۡلَ صَٰعِقَةِ
عَادٍ وَثَمُودَ ﴿١٣﴾

"Jika mereka berpaling, maka katakanlah: Aku memberi amaran kepada kamu dengan 'azab petir seperti petir yang telah membinasakan 'Ad dan Thamud."

(Surah Fussilat: 13)

Mendengar ayat ini dia terus bangun ketakutan dan meletakkan tangannya di atas mulut Rasulullah s.a.w. sambil berkata: "Wahai Muhammad! Aku minta tolong dengan nama Allah dan dengan nama hubungan anak-beranak." Ia merayu begitu kerana takut ditimpa akibat amaran itu, kemudian dia balik

menemui kaumnya dan berkata kepada mereka sebagaimana yang diterangkan di atas.

Gambaran Sopan Santun Nabi Yang Agung

Walau bagaimanapun ini adalah satu lagi gambaran dari gambaran-gambaran tawar-menawar dan satu lagi gambaran dari gambaran-gambaran budi pekerti yang agung yang dapat dilihat dengan jelas pada adab sopan Rasulullah s.a.w. ketika mendengar penerangan 'Utbah hingga sampai akhirnya, sedangkan penerangan itu merupakan cakap-cakap kosong yang tidak wajar mendapat perhatian dari orang seperti Nabi Muhammad s.a.w., tetapi budi pekertinya yang tinggi itulah yang menjadikannya sabar, tidak gopoh memotong percakapan 'Utbah, tidak menunjukkan kemarahan dan kebosanan hingga dia selesai menghabiskan percakapannya, sedangkan beliau mendengar dengan teliti. Kemudian beliau berkata dengan tenang: "Sudahkah habis apa yang hendak dikatakan anda, wahai Abu al-Walid?" Itulah ketenangan dan keyakinan sejati terhadap kebenaran yang disertai pula dengan adab sopan yang tinggi semasa mendengar dan bercakap. Kedua-duanya merupakan sebahagian dari bukti budi pekerti yang agung.

Ada lagi gambaran tawar-menawar yang ketiga yang diriwayatkan oleh Ibn Ishaq katanya:

Sewaktu Rasulullah s.a.w. sedang mengerjakan Tawaf di Ka'bah, tiba-tiba ia dihalangi oleh al-Aswad ibn al-Muttalib ibn Asad ibn Abdul 'Uzza dan al-Walid ibn al-Mughirah, Umayyah ibn Khalaf, al-'As ibn Wa'il al-Sahmi. Mereka merupakan orang-orang tua dalam kalangan kaum mereka lalu mereka berkata: "Wahai Muhammad, marilah kita berpakat. Kami sembah apa yang engkau sembah dan engkau sembah apa yang kami sembah. Marilah kita bersekutu dalam perkara ini, kerana jika Tuhan yang engkau sembah itu lebih baik dari tuhan yang kami sembah, maka ini bererti kami juga turut mendapat habuan darinya. Dan jika tuhan yang kami sembahkan itu lebih baik dari Tuhan yang engkau sembah, maka ini bererti engkau juga turut mendapat habuan darinya." Lalu Allah turunkan ayat:

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١﴾

لَآ أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ﴿٢﴾

وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ﴿٣﴾

وَلَآ أَنَا۠ عَابِدٌ مَّا عَبَدتُّمْ ﴿٤﴾

وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ﴿٥﴾

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِىَ دِينِ ﴿٦﴾

"Katakanlah (Wahai Muhammad!): Wahai orang-orang kafir!(1). Aku tidak sembah apa yang kamu sembah(2). Dan kamu bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah(3). Dan aku bukannya penyembah tuhan yang kamu sembah(4). Dan kamu juga bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah(5). Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku."(6)

(Surah al-Kafirun : 1 - 6)

Allah telah memutuskan tawar-menawar yang lucu itu dengan mengumumkan pemisahan yang tegas ini, dan Rasulullah s.a.w. telah berkata kepada mereka sebagaimana yang disuruh oleh Allah.

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 16)

Al-Walid Dan Al-Mughirah Tokoh Penentang Rasulullah Yang Paling Hebat Dikecam Al-Qur'an

Kemudian nilai unsur akhlak sekali lagi ketara di dalam firman Allah yang menegahkan Rasulullah s.a.w. dari tunduk kepada salah seorang tokoh yang tertentu dari pendusta-pendusta itu dan mensifatkannya dengan sifat-sifat yang hina dan mengancamkannya dengan balasan penghinaan:

وَلَا تُطِعْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿١٠﴾

هَمَّازٍ مَّشَّآءٍۭ بِنَمِيمٍ ﴿١١﴾

مَّنَّاعٍ لِّلْخَيْرِ مُعْتَدٍ أَثِيمٍ ﴿١٢﴾

عُتُلٍّۭ بَعْدَ ذَٰلِكَ زَنِيمٍ ﴿١٣﴾ أَن كَانَ ذَا مَالٍ وَبَنِينَ ﴿١٤﴾

إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِ ءَايَٰتُنَا قَالَ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٥﴾

سَنَسِمُهُۥ عَلَى ٱلْخُرْطُومِ ﴿١٦﴾

"Dan janganlah engkau tunduk kepada setiap orang yang banyak bersumpah dan hina (budi pekertinya)(10). Yang banyak mengumpat dan banyak berjalan menabur fitnah(11). Pencegah kebajikan, penceroboh dan banyak berdusta(12). Berhati keras dan selain itu ia juga terkenal jahat(13). Kerana dia mempunyai harta yang banyak dan anak-anak lelaki yang ramai(14). Apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami ia berkata: Inilah dongeng-dongeng orang-orang purbakala(15). Kami akan tandakan di atas belalainya (batang hidungnya)."(16)

Mengikut satu pendapat yang dimaksudkan dengan tokoh tersebut ialah al-Walid ibn al-Mughirah. Dialah juga orang yang diturunkan ayat-ayat berikut dari Surah al-Muddaththir.

ذَرْنِى وَمَنْ خَلَقْتُ وَحِيدًا ﴿١١﴾

وَجَعَلْتُ لَهُۥ مَالًا مَّمْدُودًا ﴿١٢﴾ وَبَنِينَ شُهُودًا ﴿١٣﴾

وَمَهَّدتُّ لَهُۥ تَمْهِيدًا ﴿١٤﴾ ثُمَّ يَطْمَعُ أَنْ أَزِيدَ ﴿١٥﴾

"Biarkanlah Aku sahaja bertindak terhadap orang yang Aku telah ciptakannya dengan sendirian(11). Dan Aku telah jadikan untuknya harta kekayaan yang luas(12). Dan anak-anak lelaki yang selalu menemaninya(13). Dan Aku telah memberi kepadanya kemudahan hidup yang sempurna(14). Kemudian dia terus tamak supaya Aku tambahkan lagi."(15)

(Surah Al-Muddaththir: 11-15)

كَلَّآ إِنَّهُۥ كَانَ لِءَايَٰتِنَا عَنِيدًا ﴿١٦﴾

سَأُرْهِقُهُۥ صَعُودًا ﴿١٧﴾ إِنَّهُۥ فَكَّرَ وَقَدَّرَ ﴿١٨﴾

فَقُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿١٩﴾ ثُمَّ قُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿٢٠﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya dia amat degil terhadap ayat-ayat Kami(16). Aku akan penatkannya mendaki jalan yang sukar(17). Sesungguhnya dia berfikir dan merancang (untuk menentang Al-Qur'an)(18). Binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang(19). Kemudian binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang"(20).

(Surah Al-Muddaththir : 16-20)

ثُمَّ نَظَرَ ﴿٢١﴾ ثُمَّ عَبَسَ وَبَسَرَ ﴿٢٢﴾

ثُمَّ أَدْبَرَ وَٱسْتَكْبَرَ ﴿٢٣﴾

فَقَالَ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ يُؤْثَرُ ﴿٢٤﴾

إِنْ هَٰذَآ إِلَّا قَوْلُ ٱلْبَشَرِ ﴿٢٥﴾ سَأُصْلِيهِ سَقَرَ ﴿٢٦﴾

"Kemudian dia merenung(21). Kemudian mukanya menjadi masam dan muram(22). Kemudian dia berpaling (dari keimanan) dan berlagak angkuh(23). Lalu dia berkata: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan suatu sihir yang dinukilkan (dari ahli-ahli sihir)(24). Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya perkataan manusia sahaja(25). Aku akan memasukkannya ke dalam Neraka Saqar."(26)

(Surah al-Muddaththir: 21-26)

Berbagai-bagai cerita tipudaya yang jahat dari al-Walid terhadap Rasulullah s.a.w. telah diriwayatkan bagaimana ia menentang da'wah dan menegahkan orang ramai dari jalan Allah. Begitu juga ada pendapat yang mengatakan bahawa ayat-ayat Surah al-Qalam ini diturun mengenai diri al-Akhnas ibn Syurayq. Kedua-duanya merupakan musuh-musuh yang menentang dan memerangi Rasulullah s.a.w. dalam masa yang begitu lama.

Serangan Al-Qur'an yang keras terhadap tokoh itu dalam surah ini dan ugutan-ugutan yang dahsyat di dalam surah yang lain menunjukkan betapa ganas peranan yang dimainkan oleh tokoh itu dalam memerangi Rasul dan da'wah, sama ada tokoh itu al-Walid atau al-Akhnas, tetapi pendapat yang pertama lebih kuat, juga menunjukkan betapa jahat hatinya dan betapa rosak jiwanya dan betapa kosong hatinya dari kebajikan.

Al-Qur'an telah mensifatkan al-Walid dengan lapan sifat yang buruk belaka. Dia seorang yang banyak bersumpah, dan orang yang banyak bersumpah itu menandakan dia seorang yang tidak bercakap benar. Dia sedar bahawa orang ramai tidak percaya kepadanya, kerana itu dia banyak bersumpah untuk melindungi pembohongannya dan menarik kepercayaan mereka.

Dia seorang yang hina. Dia tidak menghormati dirinya dan orang ramai juga tidak menghormati perkataannya. Tanda kehinaannya ialah dia memerlukan kepada bersumpah. Dia tidak percaya kepada dirinya dan orang ramai juga tidak percaya kepadanya, walaupun dia mempunyai harta kekayaan yang banyak, anak yang ramai dan darjat yang tinggi. Pekertinya yang hina itu merupakan sifat jiwa yang melekat pada seseorang walaupun dia seorang yang penuh berkuasa. Begitu juga pekerti yang mulia merupakan sifat jiwa yang tidak terpisah dari manusia yang mulia walaupun ia tidak mempunyai segala harta kekayaan dan pangkat kebesaran dunia.

Perbuatan Mengumpat Dan Mencaci Orang Lain

Dia seorang yang banyak mengumpat. Dia mencaci dan menghinakan orang lain dengan kata-kata dan isyarat sama ada di hadapan mereka atau di belakang mereka. Islam amat benci kelakuan mengumpat, kerana kelakuan ini bertentangan dengan maruah dan kehormatan diri seseorang, bertentangan dengan adab sopan diri sendiri dan bertentangan dengan adab pergaulan dengan orang lain dan dengan adab menjaga kehormatan mereka sama ada kecil atau besar. Al-Qur'an berulang-ulang kali mencela kelakuan ini di dalam surah-surah yang lain. Firman Allah:

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ ﴿١﴾

"Kecelakaan disediakan untuk setiap pengumpat dan pencaci."

(Surah al-Humazah : 1)

Firman-Nya lagi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُونُوا۟ خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَآءٌ مِّن نِّسَآءٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ ۖ وَلَا تَلْمِزُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا۟ بِٱلْأَلْقَٰبِ ۖ بِئْسَ ٱلِٱسْمُ ٱلْفُسُوقُ بَعْدَ ٱلْإِيمَٰنِ ۚ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿١١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah ada satu golongan mengejek satu golongan yang lain kerana boleh jadi golongan yang diejekkan itu lebih baik dari mereka, dan janganlah ada satu golongan wanita mengejek satu golongan wanita yang lain kerana boleh jadi golongan yang diejekkan itu lebih baik dari mereka, dan janganlah kamu mencela diri kamu sendiri (mencela sesama Islam) dan

janganlah kamu panggil memanggil dengan gelaran-gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan fasik setelah mereka beriman. Dan barang siapa yang tidak bertaubat, maka mereka adalah orang-orang yang zalim."

(Surah al-Hujurat : 11)

Semuanya merupakan aneka ragam kelakuan mengumpat dalam segala bentuknya.

Perbuatan Menabur Fitnah

Dia banyak berjalan menabur fitnah. Dia berjalan menemui orang ramai di sana sini membawa fitnah yang merosakkan hati mereka, memutuskan tali hubungan mereka dan memusnahkan kasih mesra mereka. Inilah satu kelakuan yang tercela dan hina. Setiap orang yang menghormati dirinya atau mengharapkan dirinya dihormati orang lain tidak akan berkelakuan seperti itu. Dia tidak akan dihormati walaupun oleh orang-orang yang suka menadah telinganya kepada umpat dan fitnah-fitnah yang dilakukannya untuk memecahbelahkan di antara orang yang mempunyai hubungan kasih mesra. Hatta orang-orang yang suka menadah telinga mereka kepada umpatan ini juga dalam hati kecilnya tidak menghormati dan menyayanginya.

Rasulullah s.a.w. telah menegah supaya jangan ada sesiapa menyampaikan kepadanya perkara-perkara yang boleh mengubahkan hatinya terhadap mana-mana sahabatnya. Beliau bersabda:

لا يبلّغني أحد عن أحد من أصحابي شيئاً فإني أحب أن أخرج إليكم وأنا سليم الصدر .

-أخرجه أبو داود والترمذي من حديث ابن مسعود-

"Jangan ada sesiapa yang menyampaikan kepadaku sesuatu yang tidak baik mengenai mana-mana sahabatku kerana aku suka keluar menemui kamu dengan hati yang bersih."

(Dikeluarkan oleh Abu Daud dan at-Tirmizi daripada hadith Ibn Mas'ud)

Di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim terdapat sebuah hadith riwayat Mujahid dari Tawus dari Ibn 'Abbas katanya:

مرّ رسول الله – صلى الله تعالى عليه وعلى آله وسلم – بقبرين ، فقال : إنهما ليعذبان ، وما يعذبان في كبير . أما أحد هما فكان لا يستتر من البول ، وأما الآخر فكان يمشي بالنميمة

"Rasulullah s.a.w., telah melalui dua buah kubur lalu bersabda: Kedua-dua orang ini sedang diseksa, dan kedua-duanya diseksa bukan kerana perkara besar. Salah seorang darinya berkebiasaan tidak berlindung ketika ia membuang air kecil, dan yang satu lagi berjalan membawa umpatan."

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan dengan sanadnya dari Huzayfah yang telah berkata: Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

لا يدخل الجنة قتات

"Tidak masuk Syurga orang yang banyak mengumpat."

Al-Iman Ahmad juga telah meriwatkan dengan sanadnya dari Yazid ibn as-Sakan bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

ألا أخبركم بخياركم ؟ قا لوا : بلى يا رسول الله . قال: الذين إذا رؤوا ذكرالله عزوجل ، ثم قال: ألا أخبركم بشراركم ؟ المشاءون بالنميمة المفسدون بين الأحبه ، الباغون للبرآء العيب

"Sukakah aku ceritakan kepada kamu tentang orang yang paling baik di antara kamu? Lalu mereka berkata,'Tentu sekali wahai Rasulullah'. Rasulullah bersabda, ' Iaitu orang-orang yang apabila mereka diceritakan tentang orang lain, lalu mereka mengingati Allah Azzawajalla.'. Kemudian Rasulullah bertanya lagi, 'Sukakah aku ceritakan kepada kamu tentang orang yang paling jahat di antara kamu? Itulah orang-orang yang banyak berjalan menaburkan fitnah, umpat-mengumpat, orang-orang yang merosakkan hubungan di antara orang-orang yang disayanginya, orang-orang yang mencabul maruah orang-orang yang bersih dari kecelaan'."

Islam pasti memberatkan larangannya terhadap kelakuan yang keji dan hina, yang merosakkan hati dan sahabat handai juga merosakkan pengumpat itu sendiri sebelum ia merosakkan perpaduan masyarakat, juga kelakuan yang memakan hati dan akhlaknya sebelum ia memakan kedamaian masyarakat dan menghilangkan kepercayaan orang ramai terhadap satu sama lain dan seringkali mengorbankan orang-orang yang tidak berdosa.

Perbuatan Menjadi Batu Penghalang Kebajikan

Dia seorang pencegah kebajikan sama ada untuk dirinya atau untuk orang lain. Dia mencegah keimanan sedangkan keimanan itulah wadah yang mengumpulkan segala kebajikan. Dia pernah berkata kepada anak-anak dan keluarganya apabila dia mendapat tahu ada di antara mereka yang cenderung kepada Nabi s.a.w., "Jika ada seorang dari kamu mengikut agama Muhammad aku tidak akan memberikannya sesuatu apa pun buat selama-lamanya." Demikianlah dia mengugut mereka untuk mencegah mereka dari memeluk Islam. Kerana itulah Al-Qur'an merakamkan sifatnya sebagai **"pencegah kebajikan"** di dalam tutur kata dan tindak-tanduknya.

Kelakuan Keterlaluan

Dia seorang pelampau yang melewati batas kebenaran dan keadilan. Dia menceroboh ke atas Nabi s.a.w., menceroboh ke atas orang-orang Islam, menceroboh ke atas anak isteri dan keluarganya sendiri, kerana ia menghalangi mereka dari hidayat dan mencegah mereka dari keimanan. Kelakuan pelampau adalah satu sifat yang tercela yang mendapat perhatian yang amat besar dari Al-Qur'an.

Sifat ini telah ditegahkan oleh Islam dalam apa bentuknya sekalipun hingga dalam persoalan makanan dan minuman. Firman Allah:

كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ وَلَا تَطْغَوْا۟ فِيهِ

"Makanlah dari makanan-makanan yang baik yang telah Kami kurniakan rezeki kepada kamu dan janganlah kamu melampau batasnya."

(Surah Taha: 81)

Keadilan dan Kesederhanaan Merupakan Satu Sifat Islam Yang Tulen

Dia seorang yang banyak melakukan maksiat hingga ia memang benar-benar wajar disifatkan Allah sebagai **"Orang yang banyak berdosa"** tanpa membutirkan jenis-jenis dosa yang dilakukannya. Tujuan ungkapan ini ialah untuk mengecap dan melekatkan sifat ini pada dirinya sebagai satu sifat yang tidak terpisah darinya.

Selain dari sifat-sifat itu, dia juga seorang yang kasar dan berhati keras. Kata-kata "عتل" menyampaikan sekumpulan sifat-sifat dan kelakuan-kelakuan yang tidak dapat disampaikan dengan sekumpulan kata-kata dan sifat-sifat. Ia bererti seorang yang kasar kelakuannya dan keras hatinya. Ia juga bererti seorang pemakan dan peminum, seorang yang gelojoh dan bakhil, seorang yang keras dan jahat tabi'atnya, seorang yang buruk pergaulannya. Menurut Abu ad-Darda' r.a.: "عتل" itu ialah orang yang mempunyai perut yang buncit, kasar budi pekertinya, pemakan, peminum, pengumpul harta dan kikir. Walau bagaimanapun kata-kata "عتل" itu sendiri mengandungi erti yang lebih kaya dari semua pengertian itu dan lebih sempurna menggambarkan syakhsiyah yang buruk dari semua aspek.

Dia juga terkenal jahat. Inilah penamat sifat-sifat keji yang terkumpul pada seorang tokoh dari musuh-musuh Islam. Hanya orang-orang dari kelas yang hina ini sahaja yang berhempas pulas menentang Islam. Kata-kata "زنيم" mempunyai banyak erti di antaranya ialah penenggek yang menenggek pada satu kaum sedang dia tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan mereka atau keturunan dengan mereka atau keturunannya menjadi sasaran tuduhan orang. Di antara ertinya lagi ialah orang yang terkenal jahat di kalangan orang ramai. Ertinya yang kedua inilah yang lebih hampir dengan keadaan al-Walid ibn al-Mughirah walaupun pemakaian kata-kata itu juga mengecapkannya dengan suatu sifat yang hina di sisi kaumnya iaitu sifat angkuh dan bongkak.

Selepas memerikan sifat-sifat yang keji tokoh itu, Allah menerangkan pula pendiriannya terhadap ayat-ayat Al-Qur'an serta mencela pendiriannya ini yang dijadikannya sebagai balasan kepada Allah yang telah mengurniakan kepadanya ni'mat harta dan anak.

أَن كَانَ ذَا مَالٍ وَبَنِينَ ﴿١٤﴾

إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِ ءَايَٰتُنَا قَالَ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٥﴾

"Kerana dia mempunyai harta yang banyak dan anak-anak lelaki yang ramai(14). Apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami ia berkata: Inilah dongeng-dongeng orang-orang purbakala."(15)

Alangkah buruknya balasan seorang manusia terhadap Allah yang telah mengurniakan ni'mat kekayaan dan anak yang ramai kepadanya dengan menghinakan firman-firman-Nya, mempersenda-sendakan Rasul-Nya dan mencabulkan agama-Nya. Pendirian ini sahaja telah menyamai segala sifat-sifatnya yang keji yang telah disebutkan sebelum ini.

Kerana itu datanglah ancaman dan Allah Yang Maha Perkasa yang menyentuh keangkuhan dan kebanggaannya yang bermegah-megah dengan harta kekayaan, anak-anak yang ramai, kedudukan dan keturunannya:

سَنَسِمُهُۥ عَلَى ٱلْخُرْطُومِ ﴿١٦﴾

"Kami akan tandakan di atas belalainya (batang hidungnya)."(16)

Di antara makna الخرطوم ialah muncung babi hutan. Barangkali muncung inilah yang dimaksudkan dengan belalai di sini. Kata-kata hidung dalam bahasa Arab melambangkan kemuliaan. Ancaman Allah untuk menanda atau mencalitkan hidung dengan tanda mengandungi dua ragam penghinaan. Pertama ia ditandakan seperti seorang abdi, dan yang kedua hidungnya diserupakan dengan muncung babi.

Tidak syak lagi bahawa kesan ayat-ayat itu kepada jiwa al-Walid amat menghancurkan, kerana dia dari satu umat yang menganggapkan celaan dan cemuhan dari seorang penyajak itu sebagai cemuhan yang amat memalukan iaitu cemuhan yang sangat dijaga oleh orang-orang yang mulia, walaupun cemuhan itu tidak benar. Bagaimana pula dengan cemuhan yang benar dari Allah Pencipta langit dan bumi dengan gaya ungkapan yang tidak dapat ditandingkan dan dirakamkan dalam Al-Qur'an di mana setiap katanya bergema di merata pelusuk alam dan kemudian kekal mantap di alam buana. Itulah pukulan yang menghancurkan yang wajar diterima oleh musuh Islam, musuh Rasul yang mulia yang mempunyai akhlak yang agung.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 34)

Kisah Pekebun-pekebun Yang Bakhil Yang Mahu Menghapuskan Habuan Orang-orang Miskin

Sesuai dengan sentuhannya mengenai harta kekayaan, anak yang ramai, keangkuhan yang lupa daratan yang ditunjukkan oleh para pendusta itu, maka al-Qur'an mengemukakan satu kisah teladan kepada mereka, iaitu kisah yang nampaknya memang terkenal dan tersebar di kalangan mereka. Dalam kisah itu Al-Qur'an mengingatkan mereka terhadap akibat tidak mengenangkan ni'mat Allah, akibat bakhil membuat kebajikan, akibat menceroboh hak-hak orang lain, dan seterusnya menyedarkan mereka

bahawa segala ni'mat kekayaan dan anak-anak yang berada di tangan mereka hanya suatu ujian dari Allah sahaja sebagaimana Allah telah menguji tuan-tuan kebun di dalam kisah itu, dan di sebalik ujian itu ada akibatnya. Mereka tidak akan dibiarkan begitu sahaja:

إِنَّا بَلَوْنَٰهُمْ كَمَا بَلَوْنَآ أَصْحَٰبَ ٱلْجَنَّةِ إِذْ أَقْسَمُوا۟ لَيَصْرِمُنَّهَا
مُصْبِحِينَ ﴿١٧﴾ وَلَا يَسْتَثْنُونَ ﴿١٨﴾
فَطَافَ عَلَيْهَا طَآئِفٌ مِّن رَّبِّكَ وَهُمْ نَآئِمُونَ ﴿١٩﴾
فَأَصْبَحَتْ كَٱلصَّرِيمِ ﴿٢٠﴾ فَتَنَادَوْا۟ مُصْبِحِينَ ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya Kami telah mencuba mereka sebagai-mana Kami telah mencuba tuan-tuan kebun ketika mereka bersumpah bahawa mereka akan memetik semua buah-buahan di limun-limun pagi(17). Dan mereka tidak mengecualikan (bahagian fakir miskin) (18). Lalu kebun itu ditimpa malapetaka dari Tuhanmu semasa mereka sedang nyenyak tidur(19). Lalu jadilah kebun-kebun itu seperti kebun yang telah dipotong semua buahnya(20). Lalu mereka berpanggil-panggilan satu sama lain di limun-limun pagi."(21)

أَنِ ٱغْدُوا۟ عَلَىٰ حَرْثِكُمْ إِن كُنتُمْ صَٰرِمِينَ ﴿٢٢﴾
فَٱنطَلَقُوا۟ وَهُمْ يَتَخَٰفَتُونَ ﴿٢٣﴾
أَن لَّا يَدْخُلَنَّهَا ٱلْيَوْمَ عَلَيْكُم مِّسْكِينٌ ﴿٢٤﴾
وَغَدَوْا۟ عَلَىٰ حَرْدٍ قَٰدِرِينَ ﴿٢٥﴾
فَلَمَّا رَأَوْهَا قَالُوٓا۟ إِنَّا لَضَآلُّونَ ﴿٢٦﴾

"Pergilah ke kebun kamu di pagi hari jika kamu hendak memetikkan buah-buahnya(22). Lalu mereka pergi sambil berbisik-bisik(23). Jangan ada seorang miskin pun yang masuk ke dalam kebun menemui kamu(24). Dan mereka pergi di limun-limun pagi itu dengan kepercayaan mereka dapat menahankan (habuan fakir miskin itu)(25). Apabila mereka melihat keadaan kebun itu, mereka pun berkata: Sesungguhnya kita telah sesat jalan (ini bukan kebun kita)."(26)

بَلْ نَحْنُ مَحْرُومُونَ ﴿٢٧﴾
قَالَ أَوْسَطُهُمْ أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ لَوْلَا تُسَبِّحُونَ ﴿٢٨﴾
قَالُوا۟ سُبْحَٰنَ رَبِّنَآ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٢٩﴾
فَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ يَتَلَٰوَمُونَ ﴿٣٠﴾
قَالُوا۟ يَٰوَيْلَنَآ إِنَّا كُنَّا طَٰغِينَ ﴿٣١﴾

"(Tidak! Ini memang kebun kita) bahkan kitalah yang dinafikan (dari hasil kebun itu)(27). Lalu berkatalah seorang yang paling baik fikiran di antara mereka: Bukankah dahulu aku telah berkata kepada kamu: Hendaklah kamu mengucap tasbih(28). Lalu mereka pun mengucap: Maha Sucilah Tuhan kami sesungguhnya kami adalah orang-orang yang telah melakukan kezaliman(29). Kemudian mereka berhadap-hadapan satu sama lain saling mencela(30). Mereka berkata: Amboi! Celakalah kita, sesungguhnya kita ini adalah orang-orang yang telah melampaui batas."(31)

عَسَىٰ رَبُّنَآ أَن يُبْدِلَنَا خَيْرًا مِّنْهَآ إِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا رَٰغِبُونَ ﴿٣٢﴾
كَذَٰلِكَ ٱلْعَذَابُ ۖ وَلَعَذَابُ ٱلْءَاخِرَةِ أَكْبَرُ ۚ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ﴿٣٣﴾
إِنَّ لِلْمُتَّقِينَ عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٣٤﴾

"Semoga Tuhan kita menggantikan kepada kita dengan kebun yang lebih baik dari kebun ini. Sesungguhnya kita benar-benar berharap kepada Tuhan kita(32). Demikian-lah 'azab dunia, sedangkan 'azab Akhirat adalah lebih besar lagi jika kamu mengetahui(33). Sesungguhnya balasan bagi orang-orang yang bertaqwa di sisi Tuhan mereka ialah kebun-kebun Syurga yang penuh ni'mat."(34)

Kisah ini mungkin sebuah kisah yang diketahui umum, tetapi penceritaan al-Qur'an mendedahkan tindakan dan qudrat Allah, ujian dan balasan-Nya terhadap setengah-setengah hamba-Nya di sebalik peristiwa-peristiwa kisah itu dan inilah aspek yang baru dalam penceritaan Al-Qur'an.

Dari ungkapan-ungkapan kisah ini dan pergerakan-pergerakan ceritanya kita dapat memerhatikan sekumpulan manusia yang bersahaja dan bertaraf rendah dalam pemikiran, pandangan dan tindak-tanduknya iaitu sama dengan fikiran orang-orang desa yang bersahaja. Mungkin orang-orang dari kelas inilah juga yang dihadapkan dengan kisah ini. Mereka berdegil dan ingkarkan ni'mat Allah, namun demikian jiwa mereka tidaklah begitu rumit dan berbelit-belit malah mereka lebih dekat kepada tahap bersahaja dan lurus.

Dari segi gaya penyampaian, kisah ini merupakan salah satu cara penyampaian yang seni dalam membentangkan kisah di dalam Al-Qur'an. Dalam kisah ini terdapat unsur kejutan yang menarik, juga terdapat suatu sendaan terhadap tipudaya manusia yang lemah di hadapan tadbir Allah dan tindak balasnya, dan seterusnya terdapat unsur-unsur yang hidup dalam gaya pembentangan kisah seolah-olah pendengar atau pembaca melihat peristiwa dalam kisah itu begitu hidup seakan-akan berlaku di hadapan matanya. Marilah kita cuba melihat kisah ini dari penceritaan Al-Qur'an.

Kini kita sedang berada di hadapan tuan-tuan kebun itu. Mereka sedang merancang satu tindakan yang buruk. Dulu di zaman tuannya yang baik hati dan salih, orang-orang miskin mendapat habuan dari buah-buahan kebun itu, tetapi sekarang waris-waris yang mempusakai kebun itu mahu membolotkan semua sekali buah-buahan itu dan menafikan habuan orang-orang miskin:

إِنَّا بَلَوْنَٰهُمْ كَمَا بَلَوْنَآ أَصْحَٰبَ ٱلْجَنَّةِ إِذْ أَقْسَمُوا۟ لَيَصْرِمُنَّهَا مُصْبِحِينَ ﴿١٧﴾ وَلَا يَسْتَثْنُونَ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya Kami telah mencuba mereka sebagai-mana Kami telah mencuba tuan-tuan kebun ketika mereka bersumpah bahawa mereka akan memetik semua buah-buahan di limun-limun pagi(17). Dan mereka tidak mengecualikan (bahagian fakir miskin)."(18)

Mereka telah mengambil keputusan untuk memetik buah-buahan di kebun itu di limun-imun pagi dengan tidak mengecualikan sedikitpun bahagian fakir miskin. Mereka telah bersumpah dan membulatkan niat untuk bertindak demikian. Dengan keazaman yang jahat itulah mereka tidur di malam itu. Marilah kita tinggalkan mereka dalam kelalaian mereka atau dalam rancangan jahat mereka yang telah diaturkan mereka pada malam itu, dan marilah kita lihat apakah yang telah berlaku di belakang mereka pada malam yang gelap-gelita itu tanpa disedari mereka, kerana Allah sentiasa jaga tidak pernah tidur seperti mereka, dan perencanaan Allah terhadap mereka berlainan dari perencanaan yang dirancangkan mereka. Ini adalah balasan di atas kekufuran mereka terhadap ni'mat-ni'mat Allah dan di atas kebakhilan mereka terhadap habuan fakir miskin yang telah diketahui umum itu. Di sana satu peristiwa luar dugaan telah berlaku secara senyap-senyap ketika manusia sedang tidur nyenyak:

فَطَافَ عَلَيْهَا طَآئِفٌ مِّن رَّبِّكَ وَهُمْ نَآئِمُونَ ﴿١٩﴾ فَأَصْبَحَتْ كَٱلصَّرِيمِ ﴿٢٠﴾

"Lalu kebun itu ditimpa malapetaka dari Tuhanmu semasa mereka sedang nyenyak tidur(19). Lalu jadilah kebun-kebun itu seperti kebun yang telah dipotong semua buahnya."(20)

Marilah kita tinggalkan sebentar keadaan kebun yang telah ditimpa malapetaka itu untuk melihat bagaimanakah pula tindakan yang dilakukan oleh mereka yang telah membuat rancangan yang jahat itu.

Mereka bangkit dari tidur mereka di limun-limun hari lagi sebagaimana yang telah dirancangkan mereka dan mereka saling mengajak satu sama lain untuk melaksanakan rancangan yang telah ditetapkan itu:

فَتَنَادَوْا۟ مُصْبِحِينَ ﴿٢١﴾ أَنِ ٱغْدُوا۟ عَلَىٰ حَرْثِكُمْ إِن كُنتُمْ صَٰرِمِينَ ﴿٢٢﴾

"Lalu mereka berpanggil-panggilan satu sama lain dilimun-limun pagi(21). Pergilah ke kebun kamu di pagi hari jika kamu hendak memetikkan buah-buahnya."(22)

Mereka saling mengingat dan berbisik-bisik satu sama lain.

Kemudian Al-Qur'an menerangkan keadaan mereka dengan mengejekkan kelakuan mereka. Al-Qur'an menggambarkan mereka sedang berjalan menuju ke kebun itu. Mereka bercakap-cakap dengan suara yang rendah untuk merahsiakan rancangan mereka, iaitu rancangan memetik semua buah-buah untuk mereka sahaja dan menafikan habuan orang-orang miskin dan meni'matinya:

فَٱنطَلَقُوا۟ وَهُمْ يَتَخَٰفَتُونَ ﴿٢٣﴾ أَن لَّا يَدْخُلَنَّهَا ٱلْيَوْمَ عَلَيْكُم مِّسْكِينٌ ﴿٢٤﴾

"Lalu mereka pergi sambil berbisik-bisik(23). Jangan ada seorang miskin pun yang masuk ke dalam kebun menemui kamu."(24)

Seolah-olah kita yang mendengar atau membaca Al-Qur'an tahu apa yang tidak diketahui oleh tuan-tuan kebun tentang malapetaka yang telah menimpa kebun itu. Ya, kita telah menyaksi bagaimana tangan halus telah menghulur dalam gelap-gelita dan terus menghapuskan segala buah-buahnya, dan kita melihat kebun itu seolah-olah telah dipetikkan segala buah-buahnya setelah berlaku peristiwa malapetaka halus yang ngeri, itu. Marilah kita tahankan nafas kita untuk melihat bagaimana perancang-perancang yang jahat itu bertindak.

Al-Qur'an terus mengejek perbuatan tipudaya mereka:

وَغَدَوْا۟ عَلَىٰ حَرْدٍ قَٰدِرِينَ ﴿٢٥﴾

"Dan mereka pergi di limun-limun pagi itu dengan kepercayaan mereka dapat menahankan (habuan fakir miskin itu)."(25)

Ya, mereka berkuasa menahan dan menafikan, sekurang-kurangnya menafikan habuan diri mereka sendiri. Kini mereka terkejut besar dan kita lihat mereka sedang kaget:

فَلَمَّا رَأَوْهَا قَالُوٓا۟ إِنَّا لَضَآلُّونَ ﴿٢٦﴾

"Apabila mereka melihat keadaan kebun itu, mereka pun berkata: Sesungguhnya kita telah sesat jalan (ini bukan kebun kita)."(26)

Yakni bukan kebun kita yang lebat dengan buah-buahan, kita telah sesat jalan. Tetapi selepas itu mereka kembali yakin:

بَلْ نَحْنُ مَحْرُومُونَ ﴿٢٧﴾

"(Tidak! Ini memang kebun kita) bahkan kitalah yang dinafikan (dari hasil kebun itu)."(27)

Inilah berita yang sebenar. Mereka telah ditimpa akibat tipudaya dan niat yang jahat, akibat kekufuran ni'mat dan kebakhilan. Sekarang tampillah seorang yang paling baik fikiran di antara mereka menghadapi mereka. Nampaknya dahulu dia seorang yang mempunyai pendapat yang berlainan dari rakan-rakan mereka. Tetapi dia terpaksa mengikut mereka apabila pendapatnya telah ditentang mereka. Dia keseorangan dengan pendapatnya, tetapi dia tidak berkuasa mempertahankan pendapat yang dianggapnya benar itu, maka akibatnya ia juga

menerima balasan penafian ni'mat sebagaimana yang diterima mereka. Kini ia kembali mengingatkan mereka tentang pendapat dan nasihatnya yang telah lalu:

قَالَ أَوْسَطُهُمْ أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ لَوْلَا تُسَبِّحُونَ ﴿٢٨﴾

"Lalu berkatalah seorang yang paling baik fikiran di antara mereka: Bukankah dahulu aku telah berkata kepada kamu, hendaklah kamu mengucap tasbih."(28)

Sekarang sahaja mereka baru mendengar nasihatnya setelah luput waktunya:

قَالُوا سُبْحَانَ رَبِّنَا إِنَّا كُنَّا ظَالِمِينَ ﴿٢٩﴾

"Lalu mereka pun mengucap: Maha Sucilah Tuhan kami sesungguhnya kami adalah orang-orang yang telah melakukan kezaliman."(29)

Sebagaimana biasa setiap kongsi yang bertanggungjawab itu akan berusaha melepaskan dirinya bila ditimpa akibat yang buruk dan melemparkan kesalahan kepada rakan-rakannya yang lain. Inilah yang telah dilakukan mereka:

فَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ يَتَلَاوَمُونَ ﴿٣٠﴾

"Kemudian mereka berhadap-hadapan satu sama lain saling mencela."(30)

Kemudian mereka berhenti mencela satu sama lain dan mengaku salah di hadapan akibat yang buruk itu dengan harapan semoga kesalahan itu diampun Allah dan semoga Allah menggantikan kebun yang telah musnah akibat kekufuran ni'mat, kebakhilan, tipudaya dan rancangan yang jahat itu:

قَالُوا يَا وَيْلَنَا إِنَّا كُنَّا طَاغِينَ ﴿٣١﴾

عَسَىٰ رَبُّنَا أَن يُبْدِلَنَا خَيْرًا مِّنْهَا إِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا رَاغِبُونَ ﴿٣٢﴾

"Mereka berkata: Amboi! Celakalah kita, sesungguhnya kita ini adalah orang-orang yang telah melampaui batas (31). Semoga Tuhan kita menggantikan kepada kita dengan kebun yang lebih baik dari kebun ini. Sesungguhnya. kita benar-benar berharap kepada Tuhan kita."(32)

Dan sebelum tirai dilabuh menamatkan kisah ini, kita mendengar ulasan Allah:

كَذَٰلِكَ الْعَذَابُ ۖ وَلَعَذَابُ الْآخِرَةِ أَكْبَرُ ۚ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿٣٣﴾

"Demikianlah 'azab dunia, sedangkan 'azab Akhirat adalah lebih besar lagi jika kamu mengetahui."(33)

Demikianlah Allah menguji manusia dengan ni'mat kesenangan. Oleh itu, kaum Musyrikin di Makkah hendaklah tahu bahawa:

إِنَّا بَلَوْنَاهُمْ كَمَا بَلَوْنَا أَصْحَابَ الْجَنَّةِ إِذْ أَقْسَمُوا لَيَصْرِمُنَّهَا مُصْبِحِينَ ﴿١٧﴾

"Sesungguhnya Kami telah mencuba mereka sebagaimana Kami telah cubakan tuan-tuan kebun itu."(17)

Hendaklah mereka fikirkan akibat di sebalik ujian itu, kemudian hendaklah mereka takuti akibat yang lebih besar dari ujian dunia dan balasan dunia itu, **"'azab Akhirat adalah lebih besar lagi jika kamu mengetahui."**

Demikian Al-Qur'an membawa "kisah ujian" ini kepada kaum Quraysy iaitu kisah ujian yang berlaku dalam masyarakat mereka dan terkenal di kalangan mereka. Al-Qur'an menghubungkan di antara Sunnatullah yang telah berlaku ke atas orang yang dahulu dengan Sunnatullah yang akan berlaku ke atas orang-orang sekarang. Ia menyentuh hati mereka dengan cara yang paling hampir iaitu dengan menggunakan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan mereka. Serentak dengan itu juga Al-Qur'an menyedarkan orang-orang Mu'min bahawa kesan-kesan ni'mat dan kekayaan yang dilihat mereka pada orang-orang Musyrikin dari pembesar-pembesar Quraysy itu adalah satu ujian dari Allah yang membawa akibat-akibat dan hasil-hasilnya. Sunnatullah mencuba manusia dengan ni'mat kesenangan di samping mencuba mereka dengan kesusahan. Orang-orang yang lupa daratan yang mengingkari ni'mat dan orang-orang yang bakhil dan tertipu dengan ni'mat-ni'mat kesenangan itulah contoh manusia yang menerima akibat yang buruk, **"'azab Akhirat adalah lebih besar lagi jika kamu mengetahui,"** sedangkan orang-orang yang bertaqwa dan berhati-hati mereka mendapat balasan Syurga di sisi Tuhan mereka:

"Sesungguhnya balasan bagi orang-orang yang bertaqwa di sisi Tuhan mereka ialah kebun-kebun Syurga yang penuh ni'mat."(34)

Itulah pertentangan akibat, juga pertentangan jalan dan hakikat, iaitu pertentangan di antara dua golongan yang berlainan jalan, dan kerana itu mereka menemui jalan penghabisan yang berlainan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 35 - 36)

Pada dua bahagian ayat-ayat yang akhir ini Allah berbicara dengan mereka dalam satu perdebatan yang jelas dan tidak berbelit-belit. Allah mencabar mereka dengan pertanyaan demi pertanyaan mengenai perkara-perkara yang hanya mempunyai satu jawapan sahaja yang sukar untuk mengaburi mata. Allah mengancam mereka di Akhirat dengan satu pemandangan 'azab yang menakutkan dan di dunia dengan satu perisytiharan perang dari Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Gagah (lihat ayat 35 - 47):

أَفَنَجْعَلُ الْمُسْلِمِينَ كَالْمُجْرِمِينَ ﴿٣٥﴾

مَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ﴿٣٦﴾

أَمْ لَكُمْ كِتَٰبٌ فِيهِ تَدْرُسُونَ ﴿٣٧﴾
إِنَّ لَكُمْ فِيهِ لَمَا تَخَيَّرُونَ ﴿٣٨﴾
أَمْ لَكُمْ أَيْمَٰنٌ عَلَيْنَا بَٰلِغَةٌ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ إِنَّ لَكُمْ لَمَا تَحْكُمُونَ ﴿٣٩﴾
سَلْهُمْ أَيُّهُم بِذَٰلِكَ زَعِيمٌ ﴿٤٠﴾
أَمْ لَهُمْ شُرَكَآءُ فَلْيَأْتُوا۟ بِشُرَكَآئِهِمْ إِن كَانُوا۟ صَٰدِقِينَ ﴿٤١﴾
يَوْمَ يُكْشَفُ عَن سَاقٍ وَيُدْعَوْنَ إِلَى ٱلسُّجُودِ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ ﴿٤٢﴾
خَٰشِعَةً أَبْصَٰرُهُمْ تَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ وَقَدْ كَانُوا۟ يُدْعَوْنَ إِلَى ٱلسُّجُودِ وَهُمْ سَٰلِمُونَ ﴿٤٣﴾
فَذَرْنِى وَمَن يُكَذِّبُ بِهَٰذَا ٱلْحَدِيثِ سَنَسْتَدْرِجُهُم مِّنْ حَيْثُ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٤﴾
وَأُمْلِى لَهُمْ إِنَّ كَيْدِى مَتِينٌ ﴿٤٥﴾
أَمْ تَسْـَٔلُهُمْ أَجْرًا فَهُم مِّن مَّغْرَمٍ مُّثْقَلُونَ ﴿٤٦﴾
أَمْ عِندَهُمُ ٱلْغَيْبُ فَهُمْ يَكْتُبُونَ ﴿٤٧﴾

Ancaman dengan 'azab di Akhirat dengan perang di dunia disebut - sebagaimana dapat kita lihat - di tengah-tengah perdebatan dan cabaran itu. Ini menambahkan lagi kehangatan perdebatan dan tekanan cabaran.

Pertanyaan dalam bentuk bantahan yang pertama iaitu:

أَفَنَجْعَلُ ٱلْمُسْلِمِينَ كَٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٣٥﴾

"Apakah wajar Kami jadikan orang-orang Islam sama seperti orang-orang kafir yang berdosa?"(35)

Allah Menyangkal Tanggapan Orang-orang Islam Sama Dengan Orang-orang Kafir

Pertanyaan ini dituju kepada mereka yang telah disebutkan di dalam ayat-ayat yang terdahulu. Ia merupakan satu pertanyaan yang hanya mempunyai satu jawapan sahaja iaitu tidak, tidak mungkin. Orang-orang Islam yang mengaku dan menyerah diri kepada Allah tidak mungkin sekali-kali sama dengan orang-orang kafir yang melakukan dosa kekufuran dengan penuh kedegilan itu. Allah sifatkan mereka dengan sifat yang keji ini. Oleh itu, adalah tidak rasional dan tidak adil, andainya orang-orang Islam itu dijadikan sama dengan orang-orang kafir yang berdosa ketika menerima balasan dan kesudahan.

Kerana itu disusul pula dengan pertanyaan dalam bentuk bantahan yang lain.

مَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ﴿٣٦﴾

"Apa sudah jadi kepada kamu? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu?"(36)

Mengapa kamu jadi begitu? Dengan pertimbangan apakah kamu membuat keputusan-keputusan itu? Bagaimana cara kamu menimbangkan nilai-nilai dan darjat-darjat hingga darjat orang-orang Islam sama dengan darjat orang-orang kafir yang berdosa dalam pertimbangan kamu?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 40)

Dari pertanyaan-pertanyaan dalam bentuk bantahan berpindah pula kepada ejekan terhadap mereka.

أَمْ لَكُمْ كِتَٰبٌ فِيهِ تَدْرُسُونَ ﴿٣٧﴾
إِنَّ لَكُمْ فِيهِ لَمَا تَخَيَّرُونَ ﴿٣٨﴾

"Atau apakah kamu mempunyai sebuah kitab yang kamu mempelajarinya?(37). Bahawa (tersebut di dalamnya) kamu boleh memilih apa sahaja yang kamu sukai."(38)

Itulah ejekan dalam bentuk menyoal mereka: Apakah mereka mempunyai sebuah kitab yang dikaji dan dipelajari mereka? Apakah dari keterangan kitab itulah mereka mengambil keputusan yang tidak dapat diterima oleh akal dan keadilan? Apakah kitab itu mengatakan kepada mereka bahawa orang-orang Islam adalah sama dengan orang-orang kafir yang berdosa? Itulah sebuah kitab yang lucu yang sesuai dengan kehendak nafsu mereka, dan dari kitab itulah mereka memilih apa sahaja hukum-hukum yang mereka sukai, iaitu hukum-hukum yang sama sekali tidak bersandarkan kebenaran dan keadilan dan sama sekali tidak berasaskan lunas-lunas yang diterima akal dan diakui umum:

أَمْ لَكُمْ أَيْمَٰنٌ عَلَيْنَا بَٰلِغَةٌ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ إِنَّ لَكُمْ لَمَا تَحْكُمُونَ ﴿٣٩﴾

"Atau apakah kamu mempunyai janji-janji yang disanggupi Kami sampai hari Qiamat bahawa kamu boleh membuat keputusan sesuka hati kamu?"(39)

Andainya tidak ada kitab seperti tadi, maka mungkin pula mereka berbuat begitu dengan alasan yang lain pula, iaitu mereka telah mengadakan perjanjian-perjanjian dengan Allah yang berkuatkuasa hingga hari Qiamat. Menurut perjanjian itu mereka bebas membuat dan memilih keputusan-keputusan sesuka hati mereka. Tetapi alasan ini juga sama sekali tidak berasas, kerana tidak ada sebarang perjanjian Allah dengan mereka. Oleh itu, di atas pertimbangan

apakah mereka bercakap? Dan kepada alasan apakah mereka bersandar?

"Tanyakan mereka siapakah di antara mereka yang menjamin dakwaan yang sedemikian?"(40)

Tanyakanlah, siapakah yang telah membuat perjanjian yang menyatakan bahawa Allah bersetuju dengan apa sahaja yang disukai mereka dan berkuatkuasa hingga hari Qiamat bahawa mereka bebas membuat apa sahaja keputusan?

Ini adalah satu ejekan yang tajam, mendalam dan memalukan kerana serba-salah dan kerana menghadapi cabaran yang begitu terbuka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41- 43)

Orang-orang Kafir Dicabar Membawa Tuhan-tuhan Palsu Mereka Pada Hari Qiamat

"Atau apakah mereka mempunyai tuhan-tuhan sekutu? Oleh itu, bawalah sekutu-sekutu mereka jika mereka benar."(41)

Mereka mempersekutui Allah, tetapi ungkapan ayat ini menghubungkan sekutu-sekutu itu kepada mereka sendiri bukan kepada Allah dan menyatakan tidak tahu tentang kewujudan sekutu-sekutu itu serta mencabar mereka memanggil sekutu-sekutu itu jika mereka benar, tetapi bilakah mereka patut memanggil sekutu-sekutu itu? Ya, mereka patut memanggil mereka:

"Pada hari betis disingsing (kerana terlalu takut) dan mereka diseru supaya sujud, tetapi mereka tidak berdaya (42). Mata mereka tunduk kuyu diselubungi kehinaan. Sesungguhnya dahulu (di dunia) mereka diseru supaya sujud ketika mereka sihat sentosa."(43)

Al-Qur'an menderetkan mereka berdiri di hadapan pemandangan ini seolah-olah peristiwa itu sedang berlaku, dan mencabar mereka supaya membawa tuhan-tuhan sekutu yang didakwakan mereka. Hari Qiamat merupakan satu hakikat yang hadir di dalam ilmu Allah dan tidak terikat dengan sesuatu masa. Penghadiran hari Qiamat kepada orang-orang yang ditujukan ayat-ayat ini menjadikan kesan hari itu begitu mendalam, hidup dan hadir dalam hati mereka masing-masing mengikut cara gambaran Al-Qur'anul-Karim.

Penyingsingan betis dalam pengungkapan bahasa Arab melambangkan keadaan yang amat kelam-kabut dan kritikal. Hari Qiamat akan membuat setiap lengan dan betis tersingsing kerana terlalu dahsyat kesusahan dan penderitaannya. Orang-orang yang angkuh akan diseru supaya sujud kepada Allah, tetapi mereka tidak berdaya untuk sujud. Ini mungkin kerana masanya telah luput atau mungkin kerana mereka berada dalam keadaan yang telah disifatkan Allah dalam surah yang lain:

مُهْطِعِينَ مُقْنِعِي رُءُوسِهِمْ

"Mereka datang tergesa-gesa (menyahuti panggilan) dengan mengangkatkan kepala mereka......"

(Surah Ibrahim: 43)

Seolah-olah tubuh badan dan urat saraf mereka terikat di luar kemahuan mereka kerana terlalu takut. Walau bagaimanapun ungkapan ini membayangkan kesusahan, kelemahan dan cabaran yang menakutkan.

Kemudian Al-Qur'an melengkapkan gambaran keadaan mereka:

خَٰشِعَةً أَبْصَٰرُهُمْ تَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ

"Mata mereka tunduk kuyu diselubungi kehinaan."(43)

Keadaan mata yang tunduk kuyu diselubungi kehinaan itu dipadankan dengan sifat mereka yang angkuh dan sombong yang diancam di awal surah, **"Kami akan tandakannya di atas belalainya (batang hidungnya)."** Ayat ini menggambarkan keadaan hina-dina dengan begitu jelas dan mendalam.

Ketika mereka sedang berada dalam keadaan yang penat dan hina itu, Allah mengingatkan mereka tentang sebab yang telah membawa mereka kepada keadaan yang buruk itu, sebabnya adalah berpunca dari seat mereka yang tidak menghiraukan da'wah dan berlagak sombong di dunia:

وَقَدْ كَانُوا۟ يُدْعَوْنَ إِلَى ٱلسُّجُودِ وَهُمْ سَٰلِمُونَ ﴿٤٣﴾

"Sesungguhnya dahulu (di dunia) mereka diseru supaya sujud ketika mereka sihat sentosa."(43)

Yakni di masa itu mereka boleh sujud, tetapi mereka enggan dan berlagak angkuh. Sekarang mereka telah meninggalkan dunia di belakang mereka dan berada dalam situasi yang hina-dina, mereka diseru supaya sujud, tetapi mereka tidak berdaya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 44 - 45)

Perisytiharan Perang Dari Allah

Kemudian datang pula ancaman yang mengoncangkan hati:

فَذَرۡنِي وَمَن يُكَذِّبُ بِهَٰذَا ٱلۡحَدِيثِۖ

"Oleh itu, tinggalkan sahaja kepada-Ku orang yang mendustakan Al-Qur'an ini."(44)

Allah berfirman kepada Rasulullah s.a.w.: "Tinggalkanlah orang yang mendustakan Al-Qur'an itu kepada Aku sahaja menentangnya. Cukuplah Aku yang memeranginya." Siapakah gerangannya orang yang mendustakan Al-Qur'an itu?

Itulah makhluk yang sangat kecil, kerdil, miskin dan lemah. Ia adalah seekor semut yang daif, malah ia adalah sebiji debu yang terbuang, malah ia adalah 'adam yang tidak bererti apa-apa di hadapan Allah Yang Maha Perkasa, Maha Gagah dan Maha Besar.

Wahai Muhammad! Tinggalkan sahaja kepada-Ku urusan makhluk yang lemah ini. Bersenang-senanglah engkau dengan orang-orang Mu'min yang bersama-sama denganmu. Peperangan kini adalah dengan Aku bukan denganmu dan bukan pula dengan orang-orang Mu'min. Makhluk ini adalah musuh-Ku. Aku sendiri akan menyelesaikan urusannya. Biarkanlah sahaja dia kepada-Ku. Pergilah engkau dan orang-orang yang ada bersamamu berehat.

Alangkah hebatnya ancaman ngeri terhadap para pendusta Al-Qur'an! Dan alangkah besarnya ketenteraman yang dirasai Rasulullah s.a.w. dan para Mu'min yang berada dalam keadaan yang lemah!

Bahaya Di Sebalik Istidraj Dengan Keamanan Yang Lahir Dan Penangguhan Balasan

سَنَسۡتَدۡرِجُهُم مِّنۡ حَيۡثُ لَا يَعۡلَمُونَ ﴿٤٤﴾

"Kami akan menarik mereka perlahan-lahan (ke jurang kebinasaan) tanpa disedari mereka."(44)

وَأُمۡلِي لَهُمۡۚ إِنَّ كَيۡدِي مَتِينٌ ﴿٤٥﴾

"Dan Aku akan memberi tempoh kepada mereka. Sesungguhnya rancangan balasan-Ku amat rapi."(45)

Kedudukan para pendusta dan seluruh penghuni bumi adalah terlalu gampang dan terlalu kecil dan tidak padan dengan Allah mengaturkan rancangan-rancangan ini untuk menghadapi mereka, tetapi Allah menakutkan mereka dengan kekuatan diri-Nya supaya mereka sedar sebelum terluput waktu. Mereka hendaklah tahu bahawa keamanan yang lahir yang diberikan Allah kepada mereka hanya merupakan perangkap yang akan memerangkapkan diri mereka. Penangguhan balasan terhadap kezaliman, pencerobohan, keengganan beriman dan kesesatan mereka merupakan istidraj atau dorongan halus yang akan membawa mereka kepada akibat yang paling buruk. Itulah tadbir Allah supaya mereka memikul dosa-dosa mereka sepenuhnya dan datang ke Padang Mahsyar penuh sarat dengan dosa-dosa yang wajar menerima penghinaan, penderitaan dan penyeksaan.

Tidak ada keadilan dan rahmat yang lebih besar dari peringatan yang diberikan Allah dan dari kemurahan-Nya mendedahkan bahaya di sebalik istidraj dan tadbir-Nya. Allah

S.W.T. menunjukkan keadilan dan rahmat-Nya kepada musuh-musuh agama-Nya dan Rasul-Nya dengan lebih dahulu memberi peringatan dan amaran. Setelah itu terserahlah kepada mereka memilih jalan mereka sendiri, kerana tabir rahsia telah pun disingkap kepada mereka dan segala sesuatu telah dijelaskan dengan seterang-terangnya.

Allah S.W.T. memberi tempoh, tetapi tidak membiar. Allah memberi tangguhan 'azab kepada orang kafir yang zalim, tetapi apabila Allah mengenakan 'azab ke atasnya, maka ia tidak akan dapat terlepas darinya. Di dalam ayat ini, Allah menjelaskan cara dan undang-undang-Nya, yang telah diatur mengikut kehendak-Nya. Allah berfirman kepada Rasulullah s.a.w.: **"Tinggalkan sahaja kepada-Ku orang yang mendustakan Al-Qur'an ini."** Biarkan sahaja kepada-Ku orang-orang yang angkuh dengan harta kekayaan, anak-anak yang ramai, pangkat dan kekuasaan itu. Aku akan memberi tempoh kepada mereka dan aku jadikan ni'mat kesenangan dan kemewahan itu sebagai perangkap kepada mereka. Dengan penjelasan ini, Allah mententeramkan Rasul-Nya dan mengingatkan musuhnya, kemudian Dia membiarkan mereka menghadapi ancaman-Nya yang ngeri itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 46 - 47)

Di dalam bayangan pemandangan Qiamat yang dahsyat dan bayangan ancaman yang menakutkan ini, Al-Qur'an menyambung lagi pendebatan, cabaran dan pernyataan dan memandang aneh terhadap sikap mereka yang ganjil itu:

أَمۡ تَسۡـَٔلُهُمۡ أَجۡرٗا فَهُم مِّن مَّغۡرَمٖ مُّثۡقَلُونَ ﴿٤٦﴾

"Atau apakah engkau (Muhammad) pernah meminta upah dari mereka dan kerana itu mereka merasa berat dengan hutang bayaran itu?"(46)

Maksudnya, apakah bayaran berat yang pernah dituntutkan engkau sebagai upah memberi hidayat itulah yang mendorong mereka enggan menerima hidayat dan mendusta Al-Qur'an dan membuat mereka lebih suka menerima nasib yang buruk dari membayar upahan yang berat itu?

أَمۡ عِندَهُمُ ٱلۡغَيۡبُ فَهُمۡ يَكۡتُبُونَ ﴿٤٧﴾

"Atau apakah mereka mempunyai pengetahuan urusan ghaib, lalu mereka menuliskannya?"(47)

Kerana itu apakah mereka percaya kepada apa yang tersimpan di alam ghaib dan tidak takut kepada akibat yang menunggu mereka, kerana mereka telah mengetahuinya dan menulisnya, atau apakah mereka telah menulis apa yang tersurat di alam ghaib itu sebagai jaminan kepada apa yang disukai mereka?

Semuanya tidak belaka. Oleh itu, mengapakah mereka mengambil sikap yang aneh dan meragukan itu?

* * * * * *

Allah Sendiri Yang Mengaturkan Peperangan Terhadap Orang Kafir

Dengan ungkapan yang menarik, memberi ilham dan menggerunkan ini: **"Oleh itu tinggalkan sahaja kepada-Ku orang yang mendustakan Al-Qur'an itu."** Dan dengan pengumuman undang-undang peperangan di antara Allah dengan musuh-musuh-Nya yang tertipu itu Allah membebaskan Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Mu'min dari beban peperangan di antara keimanan dan kekufuran, di antara yang hak dan yang batil, kerana peperangan itu merupakan peperangan Allah dan Allahlah sendiri yang mengendalikan peperangan itu.

Inilah hakikat yang sebenar walaupun pada zahirnya kelihatan bahawa Nabi s.a.w. dan orang-orang Mu'min mempunyai peranan yang kuat dalam peperangan ini. Sesungguhnya peranan mereka ketika diberikan Allah kejayaan hanya merupakan sebahagian dari perencanaan Allah dalam peperangan menentang musuh-Nya. Mereka hanya alat yang digunakan Allah atau tidak diguna, dan dalam dua keadaan ini Allah adalah bertindak mengikut iradat-Nya dan mengendalikan sendiri perjuangan itu mengikut peraturan yang dikehendaki-Nya.

Ayat ini diturunkan ketika Nabi s.a.w. berada di Makkah, di mana bilangan orang-orang yang beriman yang ada ber-samanya sangat kecil. Mereka tidak dapat berbuat apa-apa. Oleh itu, ayat ini memberi ketenteraman kepada orang-orang Mu'min yang lemah itu dan takut kepada orang-orang kafir yang berlagak sombong dengan kekuatan, pangkat kebesaran, harta kekayaan dan anak-anak yang ramai itu. Kemudian apabila Rasulullah s.a.w. berada di Madinah, di mana segala keadaan dan kedudukan telah berubah, maka Allah kehendaki agar Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Mu'min yang ada bersamanya mengambil peranan yang ketara dan jelas di dalam perjuangan ini, tetapi di Madinah juga Allah menegaskan kepada mereka apa yang telah ditegaskan kepada mereka di Makkah ketika mereka merupakan golongan kecil yang lemah. Allah menegaskan kepada mereka ketika mereka mencapai kemenangan di dalam Peperangan Badar:

فَلَمۡ تَقۡتُلُوهُمۡ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ قَتَلَهُمۡۚ وَمَا رَمَيۡتَ إِذۡ رَمَيۡتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ رَمَىٰ وَلِيُبۡلِيَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ مِنۡهُ بَلَآءً حَسَنًاۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ١٧

"Maka (yang sebenarnya) bukanlah kamu yang membunuh mereka, tetapi Allahlah yang membunuh mereka. Dan bukanlah engkau yang memanah ketika engkau memanah, tetapi Allahlah yang memanah dan (Dia berbuat demikian) untuk menguji orang-orang Mu'min dengan ujian yang baik. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

(Surah al-Anfal: 17)

Allah membuat kenyataan yang sedemikian untuk menanamkan hakikat ini di dalam hati mereka iaitu hakikat bahawa perjuangan dan peperangan adalah perjuangan dan peperangan Allah, dan urusan perang itu adalah urusan Allah. Apabila Allah memberi peranan kepada mereka dalam perjuangan itu, maka itu adalah semata-mata untuk menguji mereka dengan ujian yang baik dan untuk memberi pahala kepada mereka dengan ujian itu. Adapun hakikat perjuangan itu sendiri, maka Allahlah yang mengendalikannya. Dan hakikat kemenangan perjuangan itu juga ditentukan oleh Allah. Allah S.W.T. mengendalikan perjuangan itu dengan mereka atau tanpa mereka, dan ketika mereka memasuki perjuangan itu sebagai alat qudrat kuasa-Nya, maka alat itu bukanlah satu-satunya alat yang berada di tangan qudrat-Nya.

Ini adalah hakikat yang jelas tersirat di celah-celah nas Al-Qur'an di setiap tempat, setiap keadaan dan kedudukannya. Begitu juga hakikat ini merupakan hakikat yang sesuai dengan kefahaman keimanan terhadap qudrat, perencanaan, peraturan dan iradat Allah dan terhadap qudrat manusia yang bertindak untuk melaksanakan perencanaan Allah. Hakikat qudrat manusia hanya alat dan tidak akan lebih dari alat.

Kemenangan Dalam Perjuangan Da'wah Ditentukan Allah

Hakikat ini mencurahkan rasa ketenteraman di dalam hati orang Mu'min sama ada ia berada di dalam keadaan kuat atau lemah selama hatinya ikhlas kepada Allah dan selama ia bertawakkal kepada Allah dalam perjuangannya. Oleh itu, kekuatannya bukanlah kekuatan yang menentukan kemenangannya di dalam perjuangan kebenaran dan kebatilan, keimanan dan kekufuran, hanya Allahlah yang menentukan kemenangan itu. Begitu juga kelemahannya tidak menewaskannya kerana kekuatan Allah berada di belakangnya dan kekuatan Allah itulah yang mengendalikan perjuangan itu dan menentukan kemenangannya, tetapi Allah menangguh dan menempuh, mendorong, menarik dan mengatur segala sesuatu mengikut waktunya sesuai dengan kehendak dan kebijaksanaan-Nya, dan sesuai dengan keadilan dan rahmat kasihan belas-Nya.

Begitu juga hakikat itu menakutkan hati musuh sama ada orang Mu'min yang berdepan dengannya itu berada dalam keadaan lemah atau kuat, kerana yang bertarung dengannya bukan orang-orang Mu'min, malah Allah sendiri yang mengendalikan perjuangan itu dengan kekuatan dan keperkasaan-Nya iaitu Allah yang telah berfirman kepada Nabi-Nya:

فَذَرْنِى وَمَن يُكَذِّبُ بِهَٰذَا ٱلْحَدِيثِ

"Tinggalkan sahaja kepada-Ku orang yang mendustakan Al-Qur'an ini."(44)

Tinggalkan sahaja kepada-Ku manusia yang malang ini. Allah menangguh dan menempoh, mendorong dan menarik, sedangkan si musuh itu tetap berada di dalam perangkap yang menakutkan. Andainya ia berada di kemuncak kekuatan dan kelengkapannya, maka kekuatan itu sendiri merupakan perangkap, dan kelengkapan itu sendiri merupakan jerat.

وَأُمْلِى لَهُمْ إِنَّ كَيْدِى مَتِينٌ ﴿٤٥﴾

"Dan Aku memberi tempoh kepada mereka. Sesungguhnya rancangan balasan-Ku amat rapi."(45)

Tentang bilakah masanya, maka itu adalah tersimpan di dalam ilmu Allah yang tersembunyi. Siapakah yang merasa aman dari tindak balas Allah yang tersimpan dalam ilmu-Nya yang ghaib? Tiada siapa yang merasa aman dari tindak balas Allah melainkan orang-orang kafir yang fasik.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 48 - 50)

Teladan Dari Cerita Nabi Yunus Ditelan Ikan Besar

Berdepan dengan hakikat inilah Allah mengarahkan Nabi s.a.w. supaya bersabar memikul tugas-tugas kerasulan, bersabar menghadapi putarbelit manusia, bersabar menghadapi gangguan dan pendustaan mereka, bersabar terus hingga Allah memberi keputusan-Nya pada waktu yang telah ditentukan-Nya mengikut iradat-Nya. Kemudian Allah mengingatkan Nabi-Nya dengan pengalaman yang telah dilalui saudaranya Nabi Yunus yang telah hilang kesabaran dalam memikul tugas kerasulan itu, dan sekiranya beliau tidak diselamatkan ni'mat Allah tentulah beliau dicampak ke daratan dengan mendapat kecelakaan:

فَٱصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تَكُن كَصَاحِبِ ٱلْحُوتِ إِذْ نَادَىٰ وَهُوَ مَكْظُومٌ ﴿٤٨﴾

لَّوْلَآ أَن تَدَٰرَكَهُۥ نِعْمَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ لَنُبِذَ بِٱلْعَرَآءِ وَهُوَ مَذْمُومٌ ﴿٤٩﴾

فَٱجْتَبَٰهُ رَبُّهُۥ فَجَعَلَهُۥ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٥٠﴾

"Oleh itu, bersabarlah menerima keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau jadi seperti orang yang ditelan ikan yang besar (Yunus) ketika ia berdo'a semasa berada di dalam kesusahan(48). Jika tidak ia diselamatkan oleh ni'mat pertolongan dari Tuhannya tentulah dia dicampakkan di bumi yang tandus, dengan mendapat kecelaan(49). Lalu dia dipilih Tuhannya dan menjadikannya dari orang-orang yang salih."(50)

Orang yang ditelan ikan yang besar itu ialah Nabi Yunus as. sebagaimana diterangkan di dalam Surah as-Saffat. Allah menyebutkan kisah pengalaman Nabi Yunus a.s. itu untuk mengingatkan Nabi Muhammad s.a.w. supaya pengalaman Yunus menadi bekalan dan modal kepada beliau selaku penghabisan para Anbia' yang didahului oleh pengalaman-pengalaman sekalian Anbia' sebelumnya, supaya beliau menjadi pemungut hasil tuaian yang akhir dan menerima modal dan bekalan yang akhir. Ini boleh menolong beliau untuk memikul tugas kerasulan yang amat berat, iaitu tugas menyampaikan hidayat kepada seluruh umat manusia, bukan kepada satu suku manusia, bukan kepada satu negeri dan bukan pula kepada satu umat sahaja, iaitu tugas menyampaikan hidayat kepada seluruh generasi umat manusia, bukan kepada satu generasi dan bukan kepada satu kurun sahaja seperti tugas para rasul sebelumnya. Tugas beliau ialah membekalkan umat manusia selepasnya iaitu seluruh generasi dan bangsa dengan satu sistem hidup yang tetap dan sesuai untuk memenuhi segala perkembangan baru dalam kehidupan mereka, iaitu perkembangan keadaan-keadaan, kedudukan-kedudukan dan pengalaman-pengalaman. Memanglah setiap hari yang datang itu membawa sesuatu yang baru.

Ringkasan pengalaman itu ialah Nabi Yunus ibn Matta a.s. telah diutuskan Allah kepada penduduk sebuah negeri yang dikatakan bernama Ninua di dalam wilayah al-Musal (Iraq). Beliau merasa perkembangan keimanan penduduk negeri itu begitu lambat dan beliau tidak senang dengan sikap mereka yang teragak-agak itu. Oleh itu, beliau pun meninggal mereka dengan perasaan marah dan berkata di dalam hatinya, Allah tidak akan menyusahkan aku tinggal di dalam kumpulan manusia yang degil dan keras hati itu dan Allah boleh mengutuskan aku kepada kumpulan manusia yang lain. Kemarahan dan kebosanan telah mendorong beliau menuju ke tepi laut dan di sana beliau menaiki sebuah bahtera. Apabila bahtera yang membawa mereka itu berada di tengah gelombang, ia menjadi berat dan terancam akan tenggelam, lalu mereka pun membuang undi di antara penumpang-penumpang itu untuk membuang salah seorang dari mereka supaya bahtera itu ringan. Tiba-tiba undi itu terjatuh kepada Yunus a.s. lalu mereka pun mencampakkannya ke laut dan beliau telah ditelan oleh seekor ikan yang besar.

Ketika inilah Yunus a.s. berdo'a. Beliau berada di dalam keadaan lemas dan kesusahan yang amat berat di dalam perut ikan yang gelap-gelita di tengah gelombang lautan itu. Beliau berseru kepada Tuhannya:

لَّآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّى كُنتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ

"Tiada Tuhan melainkan Engkau. Maha Sucilah Engkau. Sesungguhnya aku telah termasuk dalam golongan orang-orang yang melakukan kezaliman."

(Surah al-Anbia': 87)

Lalu beliau diselamatkan oleh ni'mat pertolongan dari Allah. Beliau telah diluahkan ikan itu di tepi pantai dengan hanya tinggal daging tanpa kulit, kerana kulitnya telah larut di dalam perut ikan. Allah telah memelihara nyawa beliau dengan qudrat kuasa-Nya yang tidak terikat dengan mana-mana ikatan manusia yang biasa dan terbatas itu.

Di sini Yunus berkata jika dia tidak diselamatkan oleh ni'mat pertolongan Allah tentulah beliau diluahkan oleh ikan itu di tanah yang tandus dengan mendapat kecelaan dari Tuhannya kerana tindak-tanduknya yang kurang sabar dan kerana beliau mengambil tindakan sendiri sebelum menerima keizinan dari Allah. Tetapi ni'mat pertolongan Allah telah menyelamatkan beliau, dan Allah telah memperkenankan tasbihnya dan menerima pengakuan penyesalannya. Allah mengetahui bahawa beliau benar-benar wajar menerima ni'mat anugerah dan pilihan dari Allah:

فَٱجۡتَبَٰهُ رَبُّهُۥ فَجَعَلَهُۥ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ٥٠

"Lalu dia dipilih Tuhannya dan menjadikannya dari orang-orang yang salih."(50)

Inilah pengalaman yang telah dilalui Yunus a.s. yang telah ditelan oleh seekor ikan yang besar itu. Allah mengingatkan Rasulullah s.a.w. dengan pengalaman ini dalam masa beliau sedang menghadapi kedegilan dan pendustaan kaumnya, dan setelah Allah membebaskan beliau dari beban perjuangan - menurut hakikat yang sebenar - dan menyuruh beliau tinggalkan sahaja perjuangan itu kepada-Nya untuk dikendalikannya mengikut iradat-Nya dan menyuruh beliau supaya bersabar menunggu hukuman dan keputusan dari Allah dalam masa yang dijanjikannya dan dalam kesukaran-kesukaran perjalanan da'wah sehingga tiba masa yang dijanjikan itu.

Kesulitan-kesulitan Yang Dihadapi Da'wah

Kesukaran da'wah yang sebenar ialah kesukaran bersabar menunggu keputusan Allah sehingga tiba waktu yang dijanjikan-Nya, iaitu waktu yang dikehendaki Allah menurut hikmat kebijaksanaan-Nya. Di tengah jalan da'wah terdapat berbagai-bagai kesukaran iaitu kesukaran-kesukaran pendustaan dan penindasan, kesukaran-kesukaran putar-belit dan kedegilan manusia, kesukaran-kesukaran perkembangan kebatilan dan keangkuhannya, kesukaran-kesukaran manusia yang terpesona dengan kebatilan yang bongkak dan yang menang pada mata kasar dan kesukaran-kesukaran menahan dan menyabarkan diri dalam menghadapi semua kesukaran itu dengan hati yang rela, mantap dan tenteram menunggu janji Allah yang benar, tidak ragu-ragu, tidak teragak-agak untuk meneruskan perjalanan biarpun bagaimana banyak kesukaran di jalan itu. Ini adalah suatu usaha yang amat besar dan sukar. Ia memerlukan keazaman, kesabaran, pertolongan dan taufiq dari Allah. Adapun perjuangan itu sendiri, maka Allah telah membuat keputusan-Nya bahawa Dialah sendiri yang mengendalikannya. Di samping itu, Allah telah menetapkan bahawa Dia akan menangguh dan menempoh, mendorong atau mengistidraj mengikut kebijaksanaan-Nya. Demikianlah Allah memberi janji-Nya kepada Rasul-Nya yang mulia dan Allah telah mengotakan janji-Nya tidak lama selepas itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 52)

Dendam Kesumat Dan Hasad Dengki Orang-orang Kafir Terhadap Rasulullah

Pada akhir surah ini, Al-Qur'an melukiskan pemandangan yang menggambarkan orang-orang kafir yang sedang menerima da'wah dari Rasul-Nya yang mulia dengan hati yang amat marah dan dengan perasaan hasad dengki yang amat mendalam hingga tercurah di dalam pandangan-pandangan mata mereka yang beracun dan membunuh yang ditumpukan kepada Rasulullah s.a.w. Pandangan itu telah disifatkan Allah dengan tepatnya tanpa memerlukan tokok tambah:

وَإِن يَكَادُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَيُزۡلِقُونَكَ بِأَبۡصَٰرِهِمۡ لَمَّا سَمِعُواْ ٱلذِّكۡرَ وَيَقُولُونَ إِنَّهُۥ لَمَجۡنُونٞ ٥١

وَمَا هُوَ إِلَّا ذِكۡرٞ لِّلۡعَٰلَمِينَ ٥٢

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu hampir-hampir menggelincirkan kaki engkau dengan pandangan-pandangan mereka (yang penuh marah) apabila mereka mendengar Al-Qur'an, dan mereka berkata: Sesungguhnya dia (Muhammad) seorang gila(51). Sedangkan Al-Qur'an itu tidak lain melainkan peringatan bagi seluruh umat manusia."(52)

Pandangan-pandangan mata mereka hampir-hampir mempunyai kesan yang boleh menggelincirkan kaki Rasulullah s.a.w. dan menghilangkan imbangannya yang berdiri di atas bumi. Ini adalah satu ungkapan yang amat menarik yang membayangkan pandangan-pandangan mata yang sarat dengan dendam kesumat, niat-niat yang jahat, hasad dengki, marah, jengkel, panas hati dan racun-racun. Kemudian pandangan-pandangan yang beracun dan panas berapi itu disertakan pula dengan caci maki yang hina dan pembohongan yang keji:

وَيَقُولُونَ إِنَّهُۥ لَمَجۡنُونٞ ٥١

"Dan mereka berkata: Sesungguhnya dia (Muhammad) seorang gila."(51)

Itulah satu pemandangan yang dilukis dan dirakamkan oleh pena yang amat seni dari pemandangan-pemandangan da'wah di Kota Makkah iaitu pemandangan dalam kalangan umum para pembesar Makkah yang degil dan berdosa yang mana dari hati dan pandangan mata merekalah tercetus

segala api hasad dengki yang keji dan panas membara itu.

Kemudian diiringi dengan satu kata pemutus:

"Sedangkan Al-Qur'an itu tidak lain melainkan peringatan bagi seluruh umat manusia."(52)

Sudah tentu **"peringatan"** itu tidak akan diucapkan oleh seorang gila dan tidak dibawa oleh seorang gila.

Perkataan Allah itulah yang benar dan kata-kata rekaan dari pembohong-pembohong itulah yang dusta.

Da'wah Islam Merupakan Da'wah Global

Sebelum mengakhiri tafsiran surah ini perlulah diperhatikan kepada kata "العالمين" (seluruh umat manusia atau semesta alam). Di sini ketika da'wah Islam di Makkah masih ditentang dengan keingkaran dan Rasulullah s.a.w. masih ditentang dengan pandangan-pandangan mata yang beracun dan membara, sedangkan kaum Musyrikin mengemblengkan seluruh tenaga yang ada pada mereka untuk memerangi beliau... di waktu yang awal ini lagi dan dalam keadaannya yang masih terkepung ketat, da'wah Islam telah pun mengumumkan sifat global atau kesejagatannya. Itulah sifat semulajadi dan sifat hakikinya. Sifat ini bukanlah sifat baru yang disandangnya setelah mendapat kemenangan di Madinah sebagaimana yang didakwa oleh pembohong-pembohong hari ini, malah sifat globalnya ini adalah sifatnya yang awal-awal lagi, iaitu sejak masa perkembangannya yang pertama di Makkah, kerana sifat ini merupakan satu hakikat yang sebati di dalam jantung hati da'wah ini sejak permulian lahirnya lagi.

Demikianlah iradat Allah terhadap da'wah ini, demikianlah arah tujunya sejak masa kelahirannya yang pertama, dan demikianlah arah tujunya hingga ke akhir zaman. Allahlah yang berkehendak demikian terhadap da'wah sebagai Tuanpunya dan Penaungnya, Allahlah Pembela dan Pelindungnya. Dialah yang mengendalikan perjuangan terhadap para pendusta sedangkan kewajiban para pejuang da'wah ialah bersabar menunggu keputusan Allah Sebaik-baik Pemberi keputusan.

* * * * * *